



**Synergy
Beyond
Boundaries**

LAPORAN TAHUNAN 2016

www.hasil.gov.my

LAPORAN TAHUNAN 2016



Cetakan Pertama 2017
© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2017

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Laporan Tahunan LHDNM 2016

Reka bentuk kulit : Gigawise Network Sdn. Bhd
Diatur huruf oleh : Mohd Syakirin Othman/Nik Yuzila Nik Yusof
Rupa taip teks : Helvetica
Saiz taip teks : 9/11

Dicetak oleh : Gigawisenetwork Sdn. Bhd
No. 74, Jalan Kapar 27/89
HICOM Heavy Industrial Park,
Seksyen 27 40400 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
T:03-5191 1115 F:03-5191 1004
www.gigaprint2u.com

Kandungan

LAPORAN PENERUSI
ANGGOTA LEMBAGA **04**

PERUTUSAN KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF **08**

PROFIL
LHDNM **12**

FUNGSI
LHDNM **14**

KUASA
LHDNM **15**

BUDAYA
KORPORAT **16**
Visi
Misi
Objektif
Slogan
Dasar Kualiti
Moto Perkhidmatan

PIAGAM
PELANGGAN **18**

NILAI
TERAS **20**

ANGGOTA
LEMBAGA **22**

PENGURUSAN
EKSEKUTIF **24**

CARTA
ORGANISASI **26**

28 PERNYATAAN TADBIR
URUS KORPORAT

32 PENCAPAIAN
LHDNM 2016

36 TERAS
STRATEGIK

Teras Strategik 1 **38**

Teras Strategik 2 **50**

Teras Strategik 3 **60**

Teras Strategik 4 **70**

78 ANUGERAH &
PENGIKTIRAFAN

84 BANTUAN RAKYAT
1MALAYSIA (BR1M)

88 DIREKTORI
LHDNM

92 PENYATA
KEWANGAN

138 LAPORAN PRESTASI
KEWANGAN

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah

“ Sebagai salah sebuah agensi terpenting kepada kerajaan, LHDNM sentiasa memperkasakan segala usaha bagi memastikan kutipan cukai langsung yang sepatutnya dikutip adalah selaras dengan peningkatan ekonomi negara ”



LAPORAN PENGURUSI ANGGOTA LEMBAGA

**Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum w.b.t., Salam
Sejahtera, Salam 1Malaysia Dan
Salam 1Hasil.**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya Laporan Tahunan LHDNM 2016 berjaya diterbitkan.

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Datuk Sabin Samitah di atas pelantikan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berkuatkuasa pada 12 Disember 2016. Tahniah dan selamat menjalankan tugas dengan jayanya.

Sebagai salah sebuah agensi terpenting kepada kerajaan, LHDNM sentiasa memperkasakan segala usaha bagi memastikan kutipan cukai langsung yang sepatutnya dikutip adalah selaras dengan peningkatan ekonomi negara. Bangkit daripada kegawatan ekonomi yang melanda negara pada 1997, LHDNM berjaya mencatatkan kutipan tiga digit bermula 2011 berjumlah RM109.609 bilion dan terus meningkat pada tahun 2014 dengan nilai kutipan RM133.7 bilion.

Namun senario dua tahun kebelakangan ini dengan persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu telah menjejaskan jumlah cukai langsung yang boleh dikutip. Senario ini dapat dilihat dengan penurunan kutipan kepada RM121.236 bilion pada tahun 2015 dan RM113.945 bilion pada tahun 2016.

Namun, kutipan pada tahun 2016 tersebut tetap telah menyumbang sebanyak 53.60% daripada keseluruhan hasil persekutuan. Meskipun kutipan pada 2016 tidak mencapai sasaran RM115 bilion yang ditetapkan, namun LHDNM telah mencapai KPI lain dengan jayanya.

Secara keseluruhannya, pencapaian LHDNM tahun 2016 adalah berdasarkan kepada empat (4) Teras Strategik seperti berikut:

Penyumbang utama kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada pematuhan sukarela:

- i. Kutipan cukai: RM 113.945 bilion @ 99.09%
- ii. Audit syarikat: Kes selesai 161,760 @142.51%
- iii. Audit perniagaan: Kes selesai 399,242 @ 116.71%
- iv. Audit individu penggajian: Kes selesai 1,343,559 @135.83%
- v. Audit Majikan: Kes selesai 59,748 @ 138.31%
- vi. Siasatan: Kes selesai 1,454 @ 139.81%
- vii. Tunggakan debit tahun sebelum:
Pengurangan terkumpul RM 5.702 bilion @ 134.77%
- viii. Tunggakan debit semasa: Baki tunggakan 3.07% iaitu tidak melebihi peratus sasaran sebanyak 10.00%

Pentadbir sistem percukaian yang diyakini rakyat dengan bidang keberhasilan (KRA)

fokus kepada pelanggan:

- i. Bayaran balik: Kes selesai 2,051,433 @ 99.63% daripada permohonan diterima
- ii. Indeks kepuasan pelanggan: Sejumlah 97.97% responden mencapai tahap kepuasan

Sistem dan prosedur kerja yang cekap dan berkesan dengan bidang keberhasilan (KRA)

fokus kepada kecemerlangan operasi:

- i. Kecekapan kos pungutan: Pencapaian kecekapan kos pungutan pada RM1.59 iaitu tidak melebihi RM2.00 bagi setiap RM100 cukai yang dipungut

LHDNM sebagai majikan pilihan dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada institusi mampan:

- i. Indeks kepuasan bekerja: Mencapai 94.66% kepuasan bekerja

Di samping melaksanakan fungsi hakiki sebagai pentadbir cukai langsung, LHDNM turut meneruskan amanah dalam menyempurnakan hasrat kerajaan untuk meringankan beban sara hidup rakyat yang berkecukupan menerusi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Secara keseluruhannya, BR1M 2016 telah memanfaatkan sebanyak 4.7 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang dengan peruntukan berjumlah RM5.9 bilion.

Melangkah ke tahun 2017, LHDNM perlu lebih proaktif dalam usaha mencapai jumlah kutipan langsung. Ini kerana LHDNM merupakan sandaran terhebat pihak kerajaan untuk menempa kemajuan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi dalam tahun 2020 dan seterusnya mendokong inisiatif Transformasi

Bagi memastikan LHDNM di landasan yang tepat ke arah mencapai sasaran RM127.7 bilion yang ditetapkan bagi 2017, strategi pemantapan yang berkesan perlu dilaksanakan meliputi pemantapan pengurusan organisasi dengan tumpuan kepada kepimpinan, budaya kerja dan struktur organisasi.

Nasional 2050. Perjalanan yang jauh ini juga hendaklah tidak tersasar daripada fokus terhadap *core business* LHDNM. Pada masa yang sama ia juga dapat memastikan organisasi kekal relevan, kontemporari dan bersifat mesra pelanggan.

Bagi memastikan LHDNM di landasan yang tepat ke arah mencapai sasaran RM127.7 bilion yang ditetapkan bagi tahun 2017, strategi pemantapan yang berkesan perlu dilaksanakan meliputi pemantapan pengurusan organisasi dengan tumpuan kepada kepimpinan, budaya kerja dan struktur organisasi. Turut perlu diberi tumpuan ialah

pemantapan teras percukaian dengan penekanan kepada mengkaji semula proses kerja sedia ada serta memanfaatkan penggunaan *big data analytics* dan *audit tools* bagi mempertingkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan melalui penyiasatan dan audit, di samping memperkasakan tindakan pemungutan.

LHDNM juga perlu memperkukuhkan hubungan baik dengan pihak berkepentingan, agensi kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan agar dapat saling mendapat manfaat daripada jaringan yang diwujudkan. Berdasarkan trend 10 tahun bagi peratus Kutipan Cukai Langsung berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), LHDNM telah mempamerkan keupayaan mencapai peratusan kutipan dalam lingkungan 9.25% - 12.85%.

Pelaksanaan strategi pemantapan yang dirancang bagi 2017 dan unjuran peningkatan KDNK sebanyak 4% - 5%, LHDNM sewajarnya mampu memberikan prestasi yang lebih baik berbanding tahun sebelum. Pencapaian yang telah dipamerkan oleh Hasilian dari tahun ke tahun merupakan suatu pernyataan komitmen LHDNM dalam mendokong hasrat dan

perancangan kerajaan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berdaya saing menjelang tahun 2050.

Perlu saya nyatakan di sini, kejayaan LHDNM sehingga ke hari ini juga merupakan berkat sokongan dan kerjasama yang erat antara semua pihak yang terlibat termasuklah semua Anggota Lembaga Pengarah, pengurusan tertinggi LHDNM dan Hasilian yang sentiasa mahukan yang terbaik untuk organisasi tercinta ini.

Tidak lupa juga kepada semua pembayar cukai yang sentiasa komited menyumbang kepada pembangunan negara. Syabas dan Tahniah!

Sekian, terima kasih.



Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah

Pengerusi Anggota Lembaga
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Datuk Sabin Samitah

“ Di sebalik cabaran persekitaran ekonomi global yang tidak menentu pada tahun 2016, LHDNM berjaya mencapai kutipan RM113.945 bilion sekaligus menyumbang sebanyak 53.60% daripada keseluruhan hasil persekutuan ”



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum w.b.t., Salam
Sejahtera, Salam 1Malaysia Dan
Salam 1Hasil.**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya Laporan Tahunan LHDNM 2016 berjaya diterbitkan.

Pencapaian LHDNM

Di sebalik cabaran persekitaran ekonomi global yang tidak menentu pada tahun 2016, LHDNM berjaya mencapai kutipan RM113.945 bilion sekaligus menyumbang sebanyak 53.60% daripada keseluruhan hasil persekutuan. Ini bermakna LHDNM telah berjaya mengekalkan jumlah

pungutan cukai langsung dalam zon 3 digit selama lima tahun berturut-turut.

Kejatuhan harga minyak dan pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) memberi impak yang besar kepada keseluruhan kutipan hasil tahun 2016. Cukai langsung petroleum merupakan antara cukai yang paling banyak mengalami penurunan. Namun demikian, masih terdapat komponen cukai langsung yang menunjukkan peningkatan signifikan dan tidak terjejas berbanding tahun 2015. (Jadual 1)

Jadual 1: Perbandingan Kutipan Cukai Langsung Mengikut Komponen

Komponen Cukai Langsung	2016 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	Perbezaan %
Syarikat	65,974.74	71,098.14	-7.21
Petroleum	8,425.76	11,636.88	-27.59
Individu	29,603.47	28,276.97	4.69
Koperasi	89.71	81.49	10.09
Duti Setem	5,674.04	6,016.25	-5.69
Cukai Pegangan	2,549.36	2,329.74	9.43
CKHT	1,491.67	1,725.54	-13.55
IOFC	80.92	36.88	119.41
Cukai Lain*	55.59	33.95	63.74
Jumlah Keseluruhan	113,945.26	121,235.84	-6.01

* Cukai lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967.

Pelaksanaan sistem percukaian yang adil, cekap dan berkesan adalah merupakan teras kepada sesebuah pentadbir cukai agar fungsinya diiktiraf dan dihargai oleh rakyat demi kesejahteraan dan kemakmuran negara

Inisiatif

LHDNM dilihat mampu mengekalkan pencapaian kutipan hasil daripada pelaksanaan langkah-langkah proaktif yang dibuat sepanjang tahun 2016 termasuklah dengan memberi perhatian berkaitan isu *Aggressive Tax Planning* (ATP), memantapkan penggunaan teknologi dalam usaha mempertingkatkan pematuhan dan kutipan cukai seperti *Big Data and Advance Analytics*, Sistem 360 Degree, *Remote Sensing* dan *Google Map*.

Selain itu, penambahbaikan dari aspek pengauditan, pungutan dan pementapan struktur pungutan dan reformasi perundangan turut dilaksanakan di samping mengukuhkan jalinan kerjasama strategik, mahupun melalui inisiatif perkongsian pengalaman dan pengetahuan di kalangan para pentadbir cukai antarabangsa. Ternyata langkah-langkah yang telah diambil berupaya memberi impak positif kepada kutipan hasil meskipun berdepan kesukaran situasi semasa.

Pelaksanaan sistem percukaian yang adil, cekap dan berkesan adalah merupakan teras kepada sesebuah pentadbir cukai agar fungsinya diiktiraf dan dihargai oleh rakyat, demi kesejahteraan dan kemakmuran negara. Justeru, LHDNM sentiasa berusaha untuk menambah baik penyampaian perkhidmatannya bagi memudahkan pembayar cukai melaksanakan

tanggungjawab percukaian masing-masing. Program Hasil4U adalah antara inisiatif yang diadakan sepanjang tahun 2016 bertujuan meningkatkan kesedaran orang awam terhadap tanggungjawab melaporkan pendapatan dan membayar cukai secara sukarela.

Pengurusan BR1M

Selain bertindak sebagai ejen pemungut cukai bagi pihak kerajaan, LHDNM juga telah dilantik dan diberi kepercayaan untuk menguruskan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M). Sepanjang tahun 2016, LHDNM telah berjaya memproses sebanyak 8,348,479 borang permohonan BR1M.

Pengiktirafan

Secara keseluruhannya, Hasilian patut berbangga kerana usaha gigih dalam memartabatkan organisasi ini, baik dari aspek pengurusan dan pentadbiran cukai langsung mahupun aspek pengurusan organisasi ternyata mendapat pengiktirafan daripada pelbagai pihak, contohnya pengiktirafan 5 bintang bagi Indeks Penarafan Bintang (SSR) Agensi Sektor Awam Tahun 2015 – 2016. Manakala di peringkat antarabangsa pula, LHDNM telah diberi penghormatan apabila dilantik sebagai Presiden CATA semasa CATA General Meeting ke-13, bagi tempoh 2016 – 2018 mewakili Malaysia sekaligus menjadi Presiden pertama dari Malaysia dan kedua di Asia selepas Singapura yang dilantik pada 1979 – 1982. Setiap pengiktirafan yang diterima membuktikan bahawa LHDNM merupakan sebuah agensi pentadbir cukai yang terunggul.

Melangkah ke tahun 2017

Penglibatan semua pihak dalam menentukan kecemerlangan prestasi organisasi dalam semua aspek terutamanya aspek kutipan perlu diteruskan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Usaha ini penting bagi memastikan sasaran kutipan pada tahun hadapan RM127.7 bilion dapat dicapai.

Sehubungan itu, LHDNM perlu membuat lonjakan berganda yang sama sepertimana jentera-jentera pentadbiran kerajaan yang lain, lebih-lebih lagi sebagai sebuah agensi yang menjadi tulang belakang kepada sumber pendapatan utama negara bagi membolehkan pelbagai pelan pembangunan dan program transformasi dalam peta laluan yang telah dibangunkan dapat dilaksanakan. LHDNM perlu menghasilkan keputusan luar biasa dalam aspek jumlah pungutan cukai langsung bagi pihak kerajaan yang bukan sahaja mampu menepati malah melebihi daripada sasaran yang telah ditetapkan.

LHDNM perlu sentiasa memperkasakan segala usaha bagi memastikan kutipan cukai langsung yang sepatutnya dikutip dapat direalisasikan selaras dengan peningkatan ekonomi negara. Antara usaha yang akan dilaksanakan adalah dengan memberi tumpuan penguatkuasaan yang berkesan kepada pembayar cukai yang gagal mematuhi undang-undang cukai. Langkah ini amat perlu kerana kegagalan LHDNM mengambil tindakan kepada pengelak cukai akan menyebabkan masyarakat tidak menghormati LHDNM yang dilihat sebagai tidak adil dalam menjalankan tugas. Kesannya kelak, akan menyebabkan pembayar cukai patuh juga tidak lagi patuh dan negara akan terkesan oleh kekurangan kutipan cukai yang secara langsung akan melebarkan lagi defisit perbelanjaan negara dan jurang kehidupan antara orang kaya dan miskin di negara ini semakin besar.

Di samping tindakan penguatkuasaan yang berkesan, pada masa yang sama LHDNM juga bertanggungjawab untuk memberikan layanan perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai yang berterusan melaksanakan kewajipan mereka tanpa gagal. Dalam hal ini, LHDNM akan memastikan sistem percukaian yang dilaksanakan akan memberikan keselesaan kepada mereka yang patuh kepada undang-undang cukai.

Penghargaan

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan kesyukuran dan penghargaan kepada Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak atas kepercayaan yang diberikan di atas perantukan saya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri yang berkuatkuasa pada 12 Disember 2016.

Terima kasih kepada seluruh Anggota Lembaga LHDNM atas sokongan yang diberikan dan tidak lupa juga kepada semua Hasilian yang sentiasa bersama-sama dalam menerajui organisasi yang tercinta ini. InsyaAllah, saya akan terus berusaha untuk melaksanakan amanah yang diberikan ini dengan sebaiknya. Pencapaian yang telah dipamerkan oleh Hasilian dari tahun ke tahun merupakan suatu pernyataan komitmen LHDNM dalam mendokong hasrat dan perancangan kerajaan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berdaya saing dalam tahun 2050.

Saya percaya, melalui pendekatan kolaboratif dan dimantapkan dengan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), semua Hasilian akan dapat memainkan peranan yang lebih bermakna dan mendatangkan hasil yang benar-benar memberi manfaat kepada organisasi dan juga negara.

Sekian, terima kasih.



Datuk Sabin Samitah

Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

PROFIL **LHDNM**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah salah satu agensi utama di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab memungut dan mentadbir cukai langsung negara.

LHDNM ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 untuk memperolehi lebih kuasa terutamanya dalam bidang kewangan dan pengurusan kakitangan bagi meningkatkan kualiti pentadbiran percukaian.

Dahulu dikenali sebagai Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN), ia diperbadankan pada 1 Mac 1996 dan dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).



Tanggungjawab LHDNM

Mentadbir Undang-undang Cukai Langsung

- Akta Cukai Pendapatan 1967
- Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967
- Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976
- Akta Penggalakan Pelaburan 1986
- Akta Setem 1949
- Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990

Mematuhi Perundangan Berkaitan Pentadbiran LHDNM

- Perlembagaan Persekutuan 1957
- Akta Tafsiran 1948 dan 1967
- Akta Had Masa 1953
- Akta Mahkamah Kehakiman 1964
- Akta Syarikat 1965
- Akta Kebankrapan 1967
- Kanun Tanah Negara 1965
- Kanun Acara Jenayah (Akta 593)
- Kanun Keseksaan (Akta 574)
- Kaedah-kaedah Penggulangan Syarikat (1972)
- Kaedah-kaedah Mahkamah 2012

FUNGSI **LHDNM**

1

Bertindak sebagai ejen kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara kerajaan dengan LHDNM

2

Menasihati kerajaan mengenai perkara-perkara yang berkaitan percukaian dan melaporkan kepada kementerian dan badan berkanun yang sewajarnya mengenai perkara-perkara tersebut

3

Turut serta di dalam atau di luar Malaysia berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian

4

Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada Lembaga oleh mana-mana undang-undang bertulis lain

5

Boleh bertindak sebagai ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis

KUASA LHDNM

Membuat Kontrak	1
Mempergunakan segala harta Lembaga, alih dan tak alih dengan cara yang difikirkan suaimanfaat oleh Lembaga termasuklah mendapatkan pinjaman dengan menggadai harta tersebut	2
Melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan sama ada bersendiria atau bersama-sama dengan organisasi lain atau agensi antarabangsa bagi menggalakkan pemahaman percukaian yang lebih baik	3
Memberi nasihat atau bantuan teknikal termasuk kemudahan latihan kepada pihak-pihak berkuasa percukaian negara-negara lain	4
Mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga	5
Memberi pinjaman kepada pekerja-pekerja Lembaga bagi apa-apa maksud yang diluluskan secara khusus oleh Lembaga	6
Menyediakan kemudahan rekreasi dan menggalakkan kegiatan rekreasi bagi dan kegiatan yang berfaedah untuk kebajikan pekerja Lembaga	7
Menyediakan latihan untuk pekerja Lembaga dan memberi biasiswa atau selainnya bagi membiayai latihan tersebut	8
Melakukan apa juga yang bersampingan dengan mana-mana kuasanya	9

BUDAYA **KORPORAT**

VISI

**Pentadbir Cukai Terunggul
Yang Menyumbang Kepada
Pembangunan Negara**

Memberikan Perkhidmatan Percukaian Yang Cemerlang Dengan:

- Mempertingkatkan pematuhan sukarela ●
- Melaksanakan sistem percukaian berintegrasi dan telus ●
- Meningkatkan keberkesanan operasi melalui ●
- inovasi proses dan teknologi maklumat ●
- Memantapkan tenaga kerja kompeten ●

MISI

OBJEKTIF

**Melaksanakan Sistem
Percukaian Yang Berkesan,
Adil Dan Saksama**

Bersama
Membangun
Negara

SLOGAN

DASAR KUALITI

Berteraskan Integriti
Kami Komited Memberikan
Perkhidmatan Yang Terbaik
Untuk Pelanggan

Perkhidmatan
Terbaik Untuk Anda

MOTO PERKHIDMATAN

PIAGAM PELANGGAN

Kami Komited Untuk Menambahbaik Sistem Penyampaian Perkhidmatan Secara Berterusan Serta Memberikan Layanan Yang Adil Dan Saksama Dalam Segala Urusan Berdasarkan Piawaian Berikut:

1

Menyediakan Borang Nyata Cukai Pendapatan untuk tahun semasa bagi:

- i. pembayar cukai individu - pada akhir bulan Februari
- ii. pembayar cukai selain individu - pada akhir bulan April

2

Menyediakan kemudahan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan secara elektronik

3

Mengembalikan lebih bayaran / pembayaran balik cukai pendapatan bagi Borang Nyata Cukai Pendapatan yang lengkap dan betul dari tarikh penerimaan borang secara:

- i. e-Filing - 30 hari bekerja
- ii. pos atau serahan tangan - 90 hari bekerja

4

Mengeluarkan surat penyelesaian cukai dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh dokumen relevan yang lengkap diterima.

5

Mengambil tindakan atas surat cara pindah milik harta tanah bagi taksiran duti setem seperti berikut:

- i. menghantar Borang PDS 15 untuk penilaian - 8 hari bekerja
- ii. mengeluarkan notis taksiran dari tarikh laporan penilaian diterima - 8 hari bekerja
- iii. memperakui Borang KTN 14A dari tarikh bayaran diterima - 3 hari bekerja



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA



6

Menaksir surat cara selain daripada surat cara pindah milik harta tanah bagi:

- i. taksiran rasmi - 5 hari bekerja
- ii. taksiran tidak rasmi bagi setiap pemohon - 1 hari bekerja terhad kepada 30 surat cara

7

Menyelesaikan rayuan/ bantahan selain daripada Borang Q dalam tempoh 60 hari sekiranya maklumat lengkap diterima

8

Memproses Borang Q untuk dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 5 bulan dari tarikh penerimaannya

9

Mengambil tindakan terhadap surat, faks dan e-mel dengan mengeluarkan:

- i. surat akuan terima dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh penerimaan
- ii. surat maklumat berhubung status tindakan dalam tempoh 7 hari bekerja selepas surat akuan terima dihantar sekiranya perkara yang dibangkitkan mengambil masa untuk diselesaikan

10

Menjawab panggilan telefon dalam tempoh tidak melebihi 3 deringan

11

Memberi layanan di kaunter dalam tempoh 15 minit selepas mengambil nombor giliran

NILAI TERAS

Hasilian berpegang kepada prinsip-prinsip moral yang ditetapkan oleh organisasi berdasarkan nilai-nilai yang sesuai dengan lunas undang-undang negara, sistem masyarakat setempat dan peraturan-peraturan tertentu yang ditetapkan untuk mencapai aspirasi organisasi.



Budaya *Happy At Work* dapat menaikkan semangat Hasilian dalam meningkatkan produktiviti organisasi

Menerapkan dan mengamalkan budaya mesra serta saling hormat menghormati ke arah mewujudkan organisasi penyayang dan harmoni

Managing People dengan etika dan tatasusila yang baik dan sewajarnya

Mewujudkan komitmen secara sukarela untuk bersama-sama mencapai matlamat / KPI Korporat yang telah diterapkan



Kerjasama yang utuh diterapkan dalam diri setiap Hasilian menjadikan setiap perancangan keputusan yang dilaksanakan lebih teratur, menjimatkan masa dan cekap seterusnya menghasilkan produktiviti yang tinggi. Hasilian akan lebih gemilang jika setiap sesuatu perkara dilaksanakan secara berpasukan

PROFESSIONALISM



Hasilian mempunyai semangat yang tinggi untuk menghasilkan yang terbaik dalam setiap urusan pentadbiran percukaian ke arah menjana pendapatan negara. Selain itu, setiap urusan ditadbir dan diuruskan secara profesional dan cekap

INTEGRITY

Integriti dibudayakan di setiap peringkat pegawai LHDNM selari dengan matlamat untuk melahirkan modal insan yang kompeten, berintegriti dan komited



EXCELLENCE



Hasilian berusaha untuk menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang bagi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan berprestasi tinggi ke arah pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara

ANGGOTA LEMBAGA

1



Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

1

Tan Sri Datuk Wira Dr. Mohd Shukor Mahfar
Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM
(1 Januari 2016 - 11 Disember 2016)

2

Datuk Sabin Samitah
Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM
(12 Disember 2016 - 31 Disember 2016)

3

2



3





4 Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

5 Datin Paduka Zaayah Be T. Loth Khan
Jabatan Peguam Negara

6 Dato' Che Pee Samsudin
Jabatan Akauntan Negara

7 Dato' Khodijah Abdullah
Setiausaha Bahagian Cukai
Perbendaharaan

8 Encik Fadzli Abdul Wahit
Konsultan Swasta

9 Tan Sri Rashpal Singh Jeswant Singh
Konsultan Swasta

10 Datuk Hj. Md Afendi Datuk Hj. Hamdan
Konsultan Swasta

PENGURUSAN **EKSEKUTIF**



Tan Sri Datuk Wira Dr. Mohd Shukor Mahfar
Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM
(1 Januari 2016 - 11 Disember 2016)

1



Datuk Sabin Samitah
Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM
(12 Disember 2016 - 31 Disember 2016)

2

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Operasi Percukaian)
(1 Januari 2016 - 11 Disember 2016)




3 Dato' Abd Aziz Hashim
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pematuhan)

4 Datuk Noor Azian Abdul Hamid
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Dasar)

5 Datuk Mohd Nizom Sairi
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pengurusan)

CARTA ORGANISASI





PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT



Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) beriltizam mengekalkan serta memastikan pemakaian piawai yang tertinggi dalam tadbir urus korporat di LHDNM. Lembaga Pengarah membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2016. Penyata ini menjelaskan pematuhan amalan terbaik dan proses-proses yang telah dilaksanakan oleh LHDNM.

Keanggotaan Lembaga

Seksyen 6 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533) menetapkan Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota seperti berikut:

- a. Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang hendaklah menjadi Pengerusi
- b. Ketua Peguam Negara atau wakilnya
- c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya
- d. Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM
- e. Dua orang wakil kerajaan yang dilantik oleh Menteri Kewangan

- f. Tiga orang wakil swasta yang berkedudukan atau berpengalaman dalam perkara kewangan, komersial, percukaian atau perundangan yang dilantik oleh Menteri Kewangan

Komposisi keanggotaan ini selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik dan memastikan keseimbangan kuasa dalam meningkatkan akauntabiliti dan kebertanggungjawaban untuk membuat keputusan yang bebas. Anggota Lembaga LHDNM terdiri daripada individu yang mempunyai



pencapaian hebat, kemahiran yang pelbagai, kompeten, berpengalaman dan kebolehpercayaan untuk memastikan mereka melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

Pengerusi Lembaga berperanan dalam mengurus dan memberi kepimpinan kepada Anggota Lembaga untuk memutuskan perkara-perkara yang dibawa ke perhatian Lembaga dan memantau setiap keputusan Lembaga tersebut disusuli ke dalam tindakan eksekutif.

Peranan utama Ketua Pegawai Eksekutif adalah sebagai Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri seperti ditetapkan di bawah Seksyen 134(1A) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) iaitu menjaga dan mengurus cukai. Pada masa yang sama di bawah Seksyen 6A (1) Akta 533, Ketua Pegawai Eksekutif juga adalah bertanggungjawab terhadap pentadbiran operasi harian. Kedua-dua peranan dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan strategi dan dasar serta menyediakan pengawasan, bimbingan, nasihat serta kepimpinan kepada pengurusan kanan.

Sepanjang tahun 2016, enam Mesyuarat Lembaga telah diadakan dengan kehadiran melebihi korum bagi semua mesyuarat seperti berikut:

MLHDNM Bil 1/2016

15 Januari 2016

MLHDNM Bil 2/2016

30 Mac 2016

MLHDNM Bil 3/2016

16 Mei 2016

MLHDNM Bil 4/2016

29 Julai 2016

MLHDNM Bil 5/2016

23 September 2016

MLHDNM Bil 6/2016

30 November 2016

Jawatankuasa Lembaga

Bagi tujuan melaksanakan fungsi-fungsi Lembaga, beberapa jawatankuasa utama ditubuhkan berdasarkan peruntukan statutori seksyen 12 Akta 533 yang mana keahlian setiap jawatankuasa dilantik oleh Pengerusi Lembaga daripada kalangan barisan Anggota. Lembaga Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

**JAWATANKUASA
AUDIT LEMBAGA**

**JAWATANKUASA
KEWANGAN**

**JAWATANKUASA
PELABURAN**

**JAWATANKUASA
PENGURUSAN INSAN
DAN SARAAN 1**

**JAWATANKUASA
PEROLEHAN A DAN B**

**JAWATANKUASA
TATATERTIB 1**

**JAWATANKUASA
RAYUAN TATATERTIB**

Setiap jawatankuasa tersebut berfungsi untuk bertindak ke atas isu-isu yang kompleks, spesifik dan khusus. Syor dan cadangan tindakan yang dibuat oleh Jawatankuasa Lembaga diangkat terus kepada Mesyuarat Lembaga untuk membuat keputusan. Pertanggungjawaban secara kolektif ini merupakan amalan efektif dalam memartabatkan tadbir urus korporat.

Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman

Bagi mencapai objektif dan melestarikan kejayaan dalam pentadbiran percukaian, menguruskan kutipan hasil memerlukan tadbir urus yang efektif, pengurusan risiko dan proses-proses kawalan dalaman yang menepati objektif. Untuk itu, LHDNM mempunyai pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang jelas dan diterapkan ke dalam rangka kerja tadbir urus.

Demi menjamin kualiti dan keberkesanan amalan pengurusan risiko di LHDNM, satu struktur tadbir urus pengurusan risiko telah dimeterai yang melibatkan anggota dan jawatankuasa seperti berikut:

- Lembaga Pengarah LHDNM
 - Menerima jaminan dan mengawasi pelaksanaan pengurusan risiko yang berkesan di LHDNM
- Jawatankuasa Audit LHDNM
 - Memberi perhatian dan memantau pengurusan risiko dan kawalan dalaman dilaksanakan dengan mematuhi rangka kerja serta arahan-arahan yang telah dikeluarkan
- Pengurusan Tertinggi LHDNM
 - Mengawasi dan memastikan pengurusan risiko berfungsi dengan berkesan disamping memberi tumpuan kepada risiko yang kritikal serta risiko strategi
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko
 - Mengawasi pelaksanaan pengurusan risiko dan membuat keputusan untuk tindakan pemulihan risiko oleh pemilik proses dan pemilik risiko
- Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
 - Mengawasi risiko yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di premis LHDNM serta membuat keputusan untuk tindakan pemulihan risiko oleh pemilik proses dan pemilik risiko

- Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko
- Sebagai penyelaras kepada aktiviti pengurusan risiko yang menerima dan menganalisis risiko yang didaftarkan oleh pemilik risiko serta menjalankan kajian keberkesanan pengurusan risiko

Pelaksanaan pengurusan risiko organisasi (Enterprise Risk Management - ERM) di LHDNM menerima pakai piawaian antarabangsa ISO 31000:2009 [Risk Management - Principles and Guidelines] yang memberi panduan tentang polisi, prinsip, proses, metodologi dan rangka kerja dalam amalan ERM di LHDNM. Disamping itu, Manual Pengurusan Risiko LHDNM juga dirujuk untuk memantapkan pelaksanaan ERM di semua peringkat di LHDNM.

LHDNM juga menitik beratkan aspek keselamatan dan kesihatan pegawai dan pelawat ke semua premis LHDNM menerusi amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang mantap serta mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Di samping itu, aktiviti pengurusan risiko juga mengenal pasti insiden atau kejadian yang memberi impak terhadap sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan di mana pemantauan berterusan dilaksanakan melalui fungsi Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan. Pengurusan risiko dan kawalan dalaman LHDNM adalah mantap dan mencukupi untuk melindungi kepentingan pegawai dan organisasi. Namun begitu usaha yang berterusan adalah penting untuk membudayakan pengurusan risiko dalam amalan tugas harian.

LHDNM mempunyai rangka kerja pengurusan kawalan dalaman berkesan dan mencukupi sebagai sebahagian daripada amalan tadbir urus korporat yang cemerlang. Polisi, pekeliling, prosedur serta garis panduan yang dikeluarkan oleh LHDNM


adalah kawalan dalaman utama bagi memastikan risiko di dalam organisasi dapat diminimumkan dan seterusnya menjamin organisasi mencapai objektifnya.

Sistem kawalan dalaman utama yang merangkumi aspek kewangan, sumber manusia, teknologi informasi dan komunikasi, pengurusan keselamatan serta pengurusan operasi lain yang berkaitan dinilai dan dikemas kini dari masa ke semasa selaras dengan perubahan profil risiko korporat organisasi serta perubahan persekitaran yang dinamik. Pemantauan dan penilaian berterusan berkaitan keberkesanan kawalan dalaman telah dilaksanakan di dalam operasi harian di dalam organisasi iaitu melalui kekerapan pelaporan serta aktiviti pemantauan oleh pasukan Audit Dalam membantu memastikan semua pemerhatian audit dan penyelesaian yang dipersetujui diambil tindakan serius dan segera.

Fungsi Audit Dalam adalah penting dalam memberikan jaminan keberkesanan yang munasabah dan bukan secara mutlak kepada Anggota Lembaga bahawa pengurusan kawalan dalaman yang mantap telah dilaksanakan. Secara keseluruhannya, semakan audit melalui sampel skop terpilih sepanjang tahun pelaksanaan mendapati pengurusan kawalan dalaman LHDNM adalah berkesan dan mencukupi untuk melindungi kepentingan tadbir urus korporat LHDNM.

PENCAPAIAN LHDNM 2016


Unjuran Sasaran **RM115 Bilion**



Pencapaian Kutipan

Kutipan	2016 (RM Bilion)	2015 (RM Bilion)
Hasil Persekutuan	*212.595	219.089
Kutipan Cukai Langsung Kasar	113.945	121.236
Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC)	4.500	7.000
Kutipan Cukai Langsung Bersih	109.445	114.236
Unjuran Disemak Kerajaan	*110.500	116.760
Peratusan Kutipan Kasar Daripada Hasil Persekutuan	53.60%	55.34%
Peratusan Kutipan Bersih Daripada Unjuran Disemak	99.05%	97.84%

* Berdasarkan Buku Anggaran Hasil



Perbandingan **Kutipan Cukai Langsung** Mengikut Komponen

KOMPONEN CUKAI LANGSUNG	2016 (RM JUTA)	2015 (RM JUTA)
Syarikat	65,974.74	71,098.14
Petroleum	8,425.76	11,636.88
Individu	29,603.47	28,276.97
Koperasi	89.71	81.49
Duti Setem	5,674.04	6,016.25
Cukai Pegangan	2,549.36	2,329.74
CKHT	1,491.67	1,725.54
IOFC	80.92	36.88
Cukai Lain *	55.59	33.95
Jumlah	113,945.26	121,235.84

* Cukai lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967

BUSIN

TERAS STRATEGIK





TERAS STRATEGIK

LHDNM Penyumbang Utama Kemakmuran Negara Dan Kesejahteraan Rakyat

- Meningkatkan Pematuhan Cukai Secara Sukarela
- Mengurangkan Ketirisan Cukai
- Memantapkan Pengurusan Hutang Cukai
- Memperluaskan Asas Cukai

LHDNM adalah penyumbang utama hasil kerajaan bagi mendanai pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat. Sejak 2011, hasil kutipan LHDNM adalah melebihi 55% daripada keseluruhan hasil negara. Kedudukan kewangan negara yang kukuh menjamin keupayaan kerajaan mengurus keperluan rakyat dengan baik.

Taraf sosio ekonomi rakyat yang meliputi kos sara hidup, peluang pekerjaan, kemudahan pendidikan, jaminan keselamatan dan perkhidmatan kesihatan dapat ditingkatkan. Di samping itu, kemudahan infrastruktur yang lebih berkualiti juga dapat disediakan. Justeru itu, kekayaan dan kemakmuran negara dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat.

LHDNM komited untuk merealisasikan hasrat kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat. Kesenambungan kutipan hasil yang memberangsangkan perlu dikekalkan melalui pelaksanaan objektif strategik yang telah dirancang iaitu meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela, mengurangkan ketirisan cukai, memantapkan pengurusan hutang cukai dan membesarkan asas cukai.

Pematuhan cukai secara sukarela dimaksimumkan dengan program pematuhan yang seimbang

dan fokus berasaskan risiko, ketelusan dan sikap pematuhan pembayar cukai. LHDNM mempelbagaikan usaha memudahkan urusan percukaian serta mengurangkan kos pematuhan bagi pembayar cukai yang sentiasa bersedia untuk mematuhi tanggungjawab percukaian mereka.

Dalam usaha menjamin pelaksanaan cukai yang adil kepada semua, tindakan penguatkuasaan yang tegas dikenakan ke atas pembayar cukai yang enggan mematuhi undang-undang percukaian. LHDNM merancang dan menyasarkan aktiviti pematuhan menggunakan pendekatan pengurusan risiko yang mengambil kira punca dan akibat ketidakpatuhan cukai.

Pengurusan hutang cukai diperkemaskan dengan memberi tumpuan kepada pencegahan hutang, mengenalpasti punca yang boleh menyebabkan keberhutangan dan melaksanakan kaedah kutipan hutang yang cekap dan berkesan.

Strategi memperluaskan asas cukai adalah penting demi memastikan kelangsungan kutipan hasil yang mampan. Oleh itu, LHDNM mengambil langkah meningkatkan kesedaran cukai melalui pemerkasaan aktiviti pendidikan cukai serta memantapkan perkongsian maklumat melalui jaringan kerjasama dengan agensi lain.

MENINGKATKAN PEMATUHAN CUKAI SECARA SUKARELA

Membudayakan Pematuhan Cukai Di Kalangan Masyarakat:

Pematuhan yang tinggi di kalangan pembayar cukai merupakan elemen penting dalam menentukan hasil kutipan cukai negara. Setiap lapisan masyarakat perlu didedahkan berkenaan tanggungjawab bersama dalam menentukan kesejahteraan dan keharmonian negara. Sebagai salah sebuah agensi terpenting kepada kerajaan, LHDNM sentiasa memperkasakan segala usaha bagi memastikan kutipan cukai langsung yang sepatutnya dikutip adalah selaras dengan peningkatan ekonomi negara.

LHDNM telah melaksanakan beberapa inisiatif sepanjang tahun 2016 sebagai usaha untuk meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela di kalangan pembayar cukai sedia ada dan juga kepada bakal pembayar cukai berpotensi. Antara inisiatif adalah seperti berikut:

- **Taklimat Percukaian:** LHDNM melalui Jabatan Khidmat Korporat telah menguruskan permohonan taklimat pendidikan cukai kepada pembayar cukai dan orang awam. Terdapat 102 sesi taklimat berkaitan percukaian ini yang telah diadakan di beberapa cawangan seluruh Malaysia.
- **Program Kolaborasi:** Aktiviti pendidikan dan kesedaran cukai turut diperluaskan melalui program kolaborasi LHDNM dengan agensi luar dan juga jabatan lain. Antara agensi luar yang terlibat termasuklah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) dan BANK ISLAM.

- **Seminar Percukaian:** LHDNM mengadakan seminar percukaian setiap tahun dengan melantik penceramah dan ahli panel yang berpengalaman luas dan mahir dalam bidang pengkhususan masing-masing.

Jadual 1: Statistik Taklimat Percukaian

Tajuk	Bil.	Peserta
e-Filing	47	3,028
Individu	22	1,195
Majikan	1	69
PCB	4	175
Khidmat Sokongan Peniaga	1	30
Tidak Bermastautin	17	808
Doktor	3	370
Peguam	0	0
Selebriti	0	0
Cukai Pegangan	1	50
CKHT / Duti Setem	2	100
Koperasi	0	0
Persaraan	1	100
Lain-lain	3	284
Jumlah	102	6,209

Sumber: Jabatan Khidmat Korporat

Jadual 2: Statistik Program Kolaborasi

Program Kolaborasi	Bil.	Peserta
LHDNM – KWSP	46	1,380
LHDNM – KDN	3	300
LHDNM - BANK ISLAM	7	592
LHDNM - FMM	1	24
Jumlah	57	2,296

Sumber: Jabatan Khidmat Korporat

Pematuhan yang tinggi di kalangan pembayar cukai merupakan elemen penting dalam menentukan hasil kutipan cukai negara

Jadual 3: Statistik Seminar Percukaian

Program Kolaborasi	Bil.	Peserta
Persidangan MATA	1	600
LHDNM-CTIM Tax Forum	5	1,150
LHDNM-MEF	11	1,850
MIA	2	300
MATA-MIA	1	150
SALIHIN Bajet	1	300
FMM	2	64
MACS	1	150
KPMG	1	150
Seminar Bajet MATA	1	380
Seminar Bajet MATA-MIA	7	2,500
Seminar Bajet CTIM	10	2,770
Jumlah	37	10,364

Sumber: Jabatan Khidmat Korporat

- **Program Cintai Negara Bersama Penjawat**

Awam: Program ini adalah kerjasama pintar LHDNM bersama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) bagi melaksanakan Program Cintai Negara di slot-slot kursus di INTAN. Terdapat 8 slot untuk tahun 2016 yang merangkumi Kluster Ekonomi dan Etika dengan penglibatan sejumlah 238 penjawat awam.

- **Program Latihan Khidmat Sokongan**

Peniaga: Program ini diadakan dengan memberi taklimat berkaitan percukaian khas kepada golongan peniaga. Terdapat 50 sesi taklimat telah diadakan oleh Cawangan LHDNM di seluruh Malaysia yang melibatkan seramai 1,723 peniaga.


- **Kunjungan Pelajar IPT Agensi Luar:**

LHDNM turut menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi dan agensi luar untuk menerapkan kesedaran dan pendedahan berkaitan cukai kepada bakal pembayar cukai khususnya. Sepanjang 2016, LHDNM telah menerima 17 kunjungan pelajar IPT dan agensi luar yang melibatkan 987 peserta daripada pelajar IPT dan 46 peserta daripada agensi luar.

- **Program EY YTPY:** Program ini merupakan program kolaborasi kesedaran cukai LHDNM bersama Ernst & Young (EY). Antara aktiviti program yang diadakan termasuklah 'EY YTPY Student Ambassador Workshop' yang melibatkan wakil pelajar daripada beberapa universiti dan kolej. Selain itu, pertandingan EY Young Tax Professional Of The Year (YTPY) turut diadakan. Secara keseluruhan, program tersebut telah berjaya menarik sebanyak 405 penyertaan.

Aktiviti promosi dan publisiti yang berkesan dan strategik adalah penting bagi membantu LHDNM dalam usaha meningkatkan pematuhan cukai di kalangan masyarakat umum. Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan oleh LHDNM termasuklah dengan merancang publisiti kempen LHDNM di beberapa saluran media terpilih. Antaranya ialah melalui pengiklanan di media massa, media cetak, digital, banner di lebuh raya dan pengiklanan secara online. Setiap pemilihan kaedah publisiti dan promosi yang dijalankan perlu mengambil kira peruntukan yang telah diluluskan secara tahunan mengikut keperluan dan keadaan semasa.

PENGIKLANAN KORPORAT



JUMLAH: 10,491

Slot Klinik Cukai LHDNM @ BERNAMA Radio24

01	Tanggungjawab Pembayar Cukai	Borang B, Perbelanjaan Perniagaan Yang Dibenarkan Dan Tidak Dibenarkan (Siri 2)	08
02	Borang BE, Potongan, Pelepasan Dan Rebat Cukai (Siri 1)	Permohonan Pengecualian Cukai Seksyen 44 (6) ACP 1967	09
03	Borang BE, Potongan, Pelepasan Dan Rebat Cukai (Siri 2)	Sekatan perjalanan ke luar negara di bawah seksyen 104, ACP 1967/seksyen 22 ACKHT 1976	10
04	Bayaran Cukai Pendapatan	Tawaran Pengurangan Penalti Dan Penghapusan Kenaikan Cukai	11
05	Bayaran Balik Cukai Pendapatan dan Bayaran Balik Baucer Cukai Pendapatan (BBBC)	Persaraan/Pampasan Surat Penyelesaian Cukai (SPC)	12
06	Audit Cukai, E-Commerce dan Monitoring Deliberate Tax Defaulters (MDTD)	Duti Setem	13
07	Borang B, Perbelanjaan Perniagaan Yang Dibenarkan dan Tidak Dibenarkan (Siri 1)		

13 slot Klinik Cukai LHDNM @ Bernama Radio24 telah dijalankan melibatkan pelbagai kupasan tajuk-tajuk penting yang dibincangkan berkaitan info cukai terkini. Tetamu klinik cukai yang terlibat terdiri daripada pegawai LHDNM yang terlatih dan mahir dalam bidang masing-masing

Memperkasakan Siasatan Dan Pematuhan: Aktiviti siasatan LHDNM dijalankan oleh Jabatan Siasatan dengan objektif utama melakukan pemantauan ke atas sebarang kes pelarian cukai dan menghadapi orang yang bertanggungjawab ke mahkamah. Tindakan yang diambil penting bagi meningkatkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan cukai di samping memastikan jumlah cukai yang betul dapat dikutip daripada pihak yang sepatutnya membayar cukai tersebut.

Siasatan difokuskan terhadap penyelesaian kes secara sivil berbanding jenayah kerana tindakan ini dapat membantu mempercepatkan proses penyelesaian kes sekaligus meningkatkan jumlah kutipan. Pendekatan ini berhasil di mana terdapat peningkatan dalam penyelesaian kes dan amaun yang dikutip pada tahun 2016 berbanding 2015. Selain fokus kepada penyelesaian kes secara sivil,


Jadual 4: Pencapaian Kes Secara Sivil

2016	
Bilangan Kes Selesai	1,212
Amaun	RM844.68 juta
2015	
Bilangan Kes Selesai	1,063
Amaun	RM755.44 juta

Sumber: Jabatan Siasatan

kes-kes berpotensi menghasilkan amaun (RM) penyelesaian yang tinggi juga turut disasarkan seperti industri perkhidmatan, perdagangan dan pembinaan. Keperluan bagi memberi impak kepada pematuhan

Carta 1:
Industri Berpotensi Menghasilkan Amaun (RM)
Penyelesaian Yang Tinggi



Sumber: Jabatan Siasatan

cukai dan menarik perhatian umum di mana dalam tahun 2016, LHDNM berjaya menyelesaikan 1 kes dengan menggunakan peruntukan AMLATFPUAA dengan amaun penyelesaian sebanyak RM2,880,800. Manakala bagi tindakan pendakwaan ke atas pembayar cukai tegar telah dilaksanakan dengan meningkatkan pengeluaran notis terakhir bagi kes gagal kemukakan dokumen/ maklumat. Tindakan pendakwaan juga telah diambil ke atas kes yang tidak patuh supaya dapat dijadikan peringatan kepada pembayar cukai lain untuk lebih bertanggungjawab terutama dalam pengemukaan dokumen dan maklumat berkaitan.

Jadual 5: Pengeluaran Notis Terakhir

Seksyen 78	Seksyen 79	Seksyen 81
345	348	78
Jumlah Kes Pendakwaan: 6		

Sumber: Jabatan Siasatan

Bagi kes-kes yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah, LHDNM mengambil pendekatan dengan membuat pemakluman melalui media massa sebagai publisiti untuk menarik perhatian umum. Terdapat satu kes yang telah diselesaikan di mahkamah pada tahun 2016 yang memihak kepada LHDNM. Pesalah diarah untuk membuat bayaran cukai kepada LHDNM berjumlah RM397, 967.55 (Cukai: RM132,655.85 bersama Penalti subsek.113(1) : RM265,311.70).

Mekanisma Penyelesaian Bagi Ketidakpatuhan:

Pemantapan kaedah pengurusan penyimpanan rekod bagi pembayar cukai merupakan salah satu mekanisme penyelesaian bagi ketidakpatuhan yang dilaksanakan oleh LHDNM melalui beberapa pelan tindakan yang telah dirancang.

• Pelan tindakan 1

Mengeluarkan Notis Subseksyen 82(A) dan 82(3) kepada pembayar cukai yang tidak menyimpan rekod perniagaan - Draf Akhir Pekeliling Operasi Prosedur Kerja Bagi Kes Pembayar Cukai Yang Gagal Menyimpan Rekod Mencukupi Dan Memberi Resit Di bawah Seksyen 82 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) telah disediakan oleh Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) dan dalam semakan Jabatan Undang-Undang untuk kelulusan.

• Pelan tindakan 2

Mempertingkatkan tindakan audit kepada fail Perusahaan Kecil dan Sederhana (SMEs) - Terdapat peningkatan dalam kes diaudit pada tahun 2016 berbanding sebelum ini iaitu bertambah sebanyak 12, 788 kes atau 2.4%. Fail SME yang telah diaudit pada tahun 2016 ialah 541,798 kes berbanding 529,010 kes bagi tahun 2015.

• Pelan tindakan 3

Tindakan audit ke atas pembayar cukai yang gagal menyimpan rekod mencukupi - Terdapat penurunan dalam jumlah kes diaudit bagi pembayar cukai yang gagal menyimpan rekod pada tahun 2016 iaitu 8,735 kes berbanding 2015 sebanyak 9,629 kes. Jumlah penurunan adalah sebanyak 894 kes atau 9.3 %.

• Pelan tindakan 4

Mempertingkatkan tindakan ke atas pembayar cukai yang terlibat dengan transaksi e-Dagang. Berdasarkan kerja profiling yang dijalankan, sebanyak 66 pembayar cukai baru telah didaftarkan dan 40 kes audit telah disalurkan pada tahun semasa berdasarkan KPI yang telah ditetapkan oleh Bahagian e-Perdagangan. Sementara itu, taklimat pengauditan e-Dagang telah disampaikan di 11 buah cawangan LHDNM bagi menjelaskan dan memberikan pendedahan kepada pegawai terlibat tentang pengauditan e-Dagang.

• Pelan tindakan 5

Mempertingkatkan tindakan audit kepada kes individu perniagaan tunggal dan perkongsian - Fokus diberikan kepada individu yang berpendapatan agregat < 1 juta. Terdapat penurunan dalam kes diaudit dalam tahun 2016 iaitu 497 kes berbanding 522 kes yang diaudit pada tahun 2015.

• Pelan tindakan 6

Memperkuh Pematuhan Audit Majikan - Penyaluran kes-kes yang berkualiti kepada cawangan mengikut industri seperti industri minyak & gas, perbankan, pembinaan, perkilangan dan perkapalan. Kaedah e-auditing payroll turut diperkenalkan kepada pegawai audit bagi mengenalpasti ketirisan cukai kepada majikan yang menggunakan *system payroll* berkomputer sepenuhnya.

Jadual 6: Statistik Audit Majikan

Tahun	Bil. Fail Selesai diaudit	Bil. Kes selesai diaudit	Amaun Penemuan (RM)	Amaun Komaun (RM)	Jumlah (RM)
2016	21,412	59,698	147,193,937.56	30,766,740.22	177,940,677.76
2015	36,785	78,576	134,188,977.00	24,228,292.00	158,417,268.00

Nota: Pada tahun 2016 bilangan fail selesai diaudit dan bilangan kes selesai diaudit menurun disebabkan mulai bulan September hingga Disember 2016 pegawai audit majikan diarahkan memperkasakan tindakan audit meja SG. Walau bagaimanapun jumlah amaun penemuan dan komaun menunjukkan peningkatan. - Sumber: Jabatan Pematuhan Cukai

MENGURANGKAN KETIRISAN CUKAI

Memantapkan Platform Untuk Membendung

Ketirisan Cukai: Beberapa penjajaran semula telah dilakukan dalam tahun 2016 bertujuan memantapkan LHDNM sebagai sebuah agensi yang menyumbang sumber utama kepada negara menerusi cukai langsung. Justeru itu, LHDNM selaku agensi pemungut cukai kepada negara pastinya mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan sasaran kutipan dapat dicapai. Pemantapan Program Audit Cukai di samping beberapa alternatif lain adalah antara usaha yang dilaksanakan LHDNM bagi membendung ketirisan cukai.

- **Audit Cukai:** Audit cukai ialah pemeriksaan akaun perniagaan termasuk kewangan pembayar

cukai bagi menyemak sama ada cukai telah dilapor dan dibayar mengikut jumlah secukupnya dan undang-undang serta peraturan percukaian dipatuhi sepenuhnya. LHDNM menjalankan 2 jenis audit iaitu audit meja dan audit luar.

Bagi audit luar dan audit meja syarikat, pemantapan Program Audit Cukai dilaksanakan melalui aktiviti pematuhan mengikut segmen pembayar cukai iaitu *Industry Based Audit*. Terdapat peningkatan dalam semua segmen yang telah dipilih terutama industri komunikasi dan maklumat yang mencatat jumlah peningkatan sehingga 1,150% bagi tahun 2016 berbanding 2015.

Jadual 7: Prestasi Audit Mengikut Industri Terpilih

Industri	Audit Luar Dan Meja Syarikat 2016		Audit Luar Dan Meja Syarikat 2015		% Peningkatan
	Kes Selesai	Jumlah Cukai Tambahan Dan Penalti (RM)	Kes Selesai	Jumlah Cukai Tambahan Dan Penalti (RM)	
Perkilangan	11,919	200,801,297.26	10,159	153,933,502.86	30%
Aktiviti pengurusan dan rawatan bekalan air, pembetulan dan sisa kumbahan	635	11,726,070.72	592	7,046,367.80	66%
Membaiki kenderaan bermotor dan motosikal, pemborongan dan peruncitan	30,270	274,451,494.06	25,834	231,604,527.04	19%
Komunikasi dan maklumat	4,133	55,021,158.39	3,392	4,403,073.26	1,150%
Aktiviti profesional , teknikal dan saintifik	10, 473	72,790,674.63	9,677	51,786,895.85	41%

Sumber: Jabatan Pematuhan Cukai

- **Audit Cukai Pegangan:** Audit Cukai Pegangan ialah pemeriksaan rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar bagi memastikan cukai pegangan yang sepatutnya telah dibayar ke atas setiap perbelanjaan yang dituntut mengikut undang-undang dan peraturan percukaian. Pemantauan ke atas cukai pegangan merupakan satu lagi cara bagi membendung ketirisan cukai. Secara keseluruhan, terdapat peningkatan dalam pungutan cukai pegangan tahun 2016 berbanding 2015.
- **Aggressive Tax Planning (ATP):** LHDNM sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah proaktif bagi menangani cabaran-cabaran percukaian, mengikut keperluan dan perkembangan semasa. Salah satu inisiatif lain yang diambil adalah dalam aspek menangani isu *Aggressive Tax Planning* (ATP). ATP berlaku akibat manipulasi pengecualian cukai di bawah Subsekyen 127(3A), Akta Cukai Pendapatan 1967; Penyalahgunaan Labuan Business Activity Tax Act 1990 (LBATA);

Jadual 8: Statistik Pungutan Cukai Pegangan

Tahun	Seksyen 107A (RM Juta)	Seksyen 109 / 109B (RM Juta)	Seksyen 109C (RM Juta)	Seksyen 109D (RM Juta)	Seksyen 109E (RM Juta)	Seksyen 109F (RM Juta)	Penalti (RM Juta)
2016	249.58	2,262.57	0.03	35.57	0.34	1.01	0.25
2015	208.12	2,083.80	0.10	32.89	-	2.43	2.40

Sumber: Jabatan Pungutan Hasil

Tuntutan perbelanjaan operasi oleh industri petroleum yang tidak mengikut regim cukai sepatutnya (CITA dan PITA) dan pengelakan cukai oleh syarikat-syarikat multinasional yang membawa kepada isu sejagat, *Base Erosion Profit Shifting* (BEPS). Dalam tahun 2016, sebanyak 31 kes ATP oleh syarikat besar berjaya diselesaikan dengan jumlah penyelesaian RM 564,044,105.67

Pencegahan Dan Pembanterasan Penipuan Dan Pengelakan Cukai: Pemantapan jaringan kerjasama dengan pihak agensi berkepentingan merupakan antara langkah pencegahan yang dilaksanakan oleh LHDNM bertujuan mengurangkan kadar penipuan dan pengelakan cukai. Ini termasuklah melakukan penyelarasan mengenai isu pentadbiran cukai. Selain itu, kerjasama dua hala yang strategik dengan agensi luar seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia

Malaysia, Mynic, Exabytes dan lain-lain turut dipertingkatkan bagi menangani masalah tersebut. Hasil kerjasama ini, bahagian e-Perdagangan LHDNM telah memperoleh data peniaga online untuk digunakan sebagai rujukan sebelum tindakan selanjutnya diambil ke atas pembayar cukai yang cuba untuk menipu dan mengelak daripada membayar cukai yang sepatutnya.

Jadual 9 : Sumber Data Peniaga Online

Agensi	Bil. Data Diterima	Tindakan	Catatan
Exabytes	25,725	Kenalpasti laman web e-dagang	24.14% adalah laman web e-Dagang
Mynic	100,575	Kenalpasti laman web e-dagang	6.67% adalah laman web e-Dagang
Nuffnang	3,480	Semak pengemukaan BNCP	88 kes dicadangkan untuk audit meja
Lelong	375	Semak nombor rujukan cukai & pengemukaan BNCP	28% Pembayar cukai tidak kemukakan BNCP
Groupon	4,038	Semak nombor rujukan cukai & pengemukaan BNCP	Dalam proses semakan
Ipay88	3,850	Semak nombor rujukan cukai & pengemukaan BNCP	Dalam proses semakan
Jumlah	138,043		

Sumber: Jabatan Pematuhan Cukai

MEMANTAPKAN PENGURUSAN HUTANG CUKAI

Strategi Pengurusan Hutang Cukai Menerusi Pencegahan, Penguatkuasaan Dan Pemantauan:

Proses kerja pungutan diperkasakan dengan mewujudkan jaringan kerjasama dengan jabatan dalam LHDNM dan pihak luar lain yang bersesuaian. Jabatan Pungutan Hasil (JPH) bekerjasama dengan pelbagai jabatan dalam dalam menguatkuasakan pembayaran tunggakan cukai seperti mengemukakan kes tunggakan yang gagal dihubungi oleh Pusat Panggilan (HRCC) kepada Jabatan Profiling dan Pengesanan (JPDP) bagi mengesan nombor telefon terbaru pembayar cukai.

JPH juga bekerjasama dengan Jabatan Operasi Cukai (JOC) dalam pengeluaran 'Program Percukaian Tahunan 2016' berhubung aktiviti pemungutan dan bekerjasama dengan Bahagian Sivil Jabatan Undang-undang berhubung pendakwaan sivil kes tunggakan cukai yang masih gagal membayar tunggakan selepas seluruh tindakan pemungutan awal dilaksanakan.

Pelaksanaan Usaha Kerjasama Dua Hala Dengan Agensi Luar:

Program dilaksanakan dengan mengadakan perbincangan kolaborasi maklumat terkelas di antara LHDNM dan Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) pada 7 Mac 2016. Manakala perbincangan JPH dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM [Product and Business Development Section]) pada 30 Mei 2016. Perbincangan tersebut telah membuka ruang kepada pembekalan profil syarikat kepada LHDNM secara percuma dengan diterajui oleh JOC dan LHDNM turut mengendalikan dan menyemak kes penyelesaian cukai yang dirujuk oleh pihak Amanah Raya Berhad (ARB) dan menyalurkan maklumat kepada cawangan. ARB adalah agensi yang melaksana fungsi pentadbiran harta pusaka, penulisan, penyimpanan dan pelaksanaan wasiat, khidmat peramanahan dan perwarisan yang utama di Malaysia. Dalam tahun 2016 sebanyak 12,176 pemakluman kes diterima dari ARB.

Pungutan dan Pementapan Struktur Pungutan:

Bagi memastikan pengurusan hutang diuruskan dengan lebih efisien dan berkesan, LHDNM telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya ialah dengan penggunaan Sistem Pengurusan Hutang Cukai dan Sistem Analitik Pengurusan Hutang (DMAS), pengstruktur semula struktur kes korporat dan individu berprofil tinggi (HNWI) dengan menubuhkan *Task Force* Jawatankuasa Pemantauan Kes Tunggakan Tertinggi, Ibu Pejabat dan mewujudkan Bahagian Pengurusan Hutang, Jabatan Pungutan Hasil. Statistik pengurangan amaun tunggakan hasil menggunakan strategi DMAS-NBA pada tahun 2016 adalah 37.73% berbanding 33.34% pada tahun 2015.

MEMPERLUASKAN ASAS CUKAI

Melaksanakan Kajian Menyeluruh Pembesaran

Asas Cukai: Maklumat yang lengkap dan berkualiti merupakan sumber yang penting kepada LHDNM dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pentadbir cukai langsung. Ini adalah kerana maklumat yang lengkap akan membolehkan LHDNM membuat keputusan yang tepat sama ada dalam memberikan layanan perkhidmatan terbaik untuk pembayar cukai yang patuh mahupun dalam perlaksanaan penguatkuasaan yang sewajarnya ke atas pengelak cukai yang tegar.

- **Kunjungan Mesra Hasil (KMH):** KMH merupakan salah satu program di bawah aktiviti pematuhan dan penguatkuasaan yang dijalankan di premis perniagaan pembayar cukai. Aktiviti ini dijalankan

secara berkala di peringkat Pejabat Pengarah Negeri LHDNM seluruh Malaysia. KMH ini merupakan aktiviti khas profiling dan sebagai inisiatif untuk meningkatkan keberkesanan dan keupayaan LHDNM dalam usaha meningkatkan kutipan hasil. Mulai tahun 2016 buat julung kalinya KMH telah dibuat penambahbaikan dimana lawatan dibuat secara berfokus.

Sasaran dan objektif KMH berfokus adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran dan pematuhan cukai secara sukarela dikalangan pembayar cukai, mempercepatkan proses pungutan cukai bagi mengurangkan bilangan dan amaun tunggakan hasil dan seterusnya meningkatkan kutipan hasil negara. Bilangan premis yang dilawati pada 2016 adalah lebih rendah berbanding tahun 2015 kerana fokus kepada kualiti lawatan bukan lagi kuantiti premis yang dilawati.

Hasil daripada KMH secara berfokus ini ia lebih memberikan impak kerana mempunyai sasaran yang lebih jelas dan tepat. Antara manfaat lawatan KMH secara berfokus yang diadakan adalah seperti berikut:

- Mensasarkan kepada pembayar cukai dan jenis kesalahan terlibat secara langsung.
- Memudahkan dan mempercepatkan tindakan susulan diambil.
- Memudahkan perancangan dan membuat unjuran kutipan.
- Kombinasi kemahiran pegawai audit dan profiling memberi hasil yang baik dalam mendapatkan input kes-kes lawatan.

Jadual 10: Kunjungan Mesra Hasil

Tahun	Bilangan Lawatan	Bilangan Premis Dilawati
2016	795	15,080

Sumber: Jabatan Profiling dan Risiko



TERAS STRATEGIK

2

Pentadbir Sistem Percukaian Yang Diyakini Rakyat

- Memastikan Keadilan Sistem Percukaian
- Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Kepada Pelanggan
- Memastikan Keselamatan Aset Dan Maklumat Percukaian
- Memelihara Reputasi Dan Imej Korporat

LHDNM mahu rakyat terus yakin dengan sistem percukaian negara. Sistem percukaian yang diyakini haruslah mempunyai perundangan yang adil dan mudah difahami. Sistem ini perlu disokong oleh pelaksanaan yang telus dan saksama serta pengurusan maklumat yang berintegriti.

Objektif strategik LHDNM adalah untuk memastikan kesaksamaan dan keadilan sistem percukaian, meningkatkan penyampaian perkhidmatan pelanggan, memastikan keselamatan aset dan maklumat percukaian serta memelihara reputasi dan imej korporat.

LHDNM menjalankan kajian berterusan secara proaktif bagi memastikan undang-undang percukaian Malaysia sentiasa terkini dan menyeluruh. Akta-akta yang berkaitan cukai sentiasa ditambah baik selari dengan perkembangan isu percukaian semasa dan mengambil kira dasar yang ditetapkan kerajaan.

Panduan percukaian dikeluarkan bagi memudahkan pembayar cukai memahami hak-hak mereka seterusnya mengurangkan kadar kesilapan dan meningkatkan pematuhan. Ini dapat membantu pembayar cukai merancang serta mengurus cukai mereka dengan lebih teratur sekaligus meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kesungguhan LHDNM dalam memudahkan pengurusan cukai mereka.

Amalan terbaik pentadbir cukai lain sentiasa dirujuk untuk memastikan sistem percukaian Malaysia sentiasa berada di tahap yang setanding dengan pentadbir cukai antarabangsa. Strategi ini perlu bagi memastikan amalan percukaian yang konsisten dalam usaha LHDNM untuk berlaku adil kepada

pembayar cukai tertakluk kepada bidang cukai yang berbeza dalam satu-satu masa.

Untuk tujuan ini, LHDNM mengambil bahagian dalam kerjasama, perkongsian pintar dan perjanjian dengan pentadbir cukai negara-negara lain bagi menangani cabaran berhubung dengan halangan kepada ketelusan maklumat.

LHDNM komited untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti, menepati kehendak semasa dan telus. Sistem teknologi maklumat dimanfaatkan secara meluas dan inovatif sebagai pemangkin dalam penyampaian perkhidmatan. LHDNM menasarkankan peningkatan perkhidmatan atas talian menjelang 2020 selaras dengan penggunaan internet sebagai saluran penyampaian perkhidmatan utama.

Penambahan rangkaian perkhidmatan layan diri yang menyeluruh dan automatik dapat menjimatkan masa berurusan pembayar cukai dengan LHDNM seterusnya mengurangkan kos pematuhan.

Keselamatan sistem maklumat dan fasiliti adalah kritikal dalam memastikan kerahsiaan maklumat pembayar cukai. LHDNM mengambil langkah keselamatan sewajarnya untuk melindungi sistem maklumat dan fasiliti daripada sebarang ancaman pencerobohan dan kebocoran maklumat.

LHDNM turut menekankan nilai integriti yang tinggi ke atas semua Hasilian. Pelan Integriti LHDNM berteraskan nilai bijak, benar, amanah, telus, adil dan bersyukur bertujuan untuk memelihara reputasi dan imej korporat serta dapat menambah keyakinan pembayar cukai terhadap LHDNM.

MEMASTIKAN KEADILAN SISTEM PERCUKAIAN

Pemantapan Undang-Undang Percukaian

Antarabangsa: Bagi melindungi hasil cukai negara dan membendung aktiviti pelarian cukai, LHDNM sentiasa mengemas kini Undang-undang Percukaian dan Garis Panduan yang sedia ada selain turut menggubal undang-undang baharu berdasarkan perkembangan dan keperluan semasa seperti berikut:

- **MAP Internal Guidelines:** Garis Panduan MAP (MAP Guidelines) yang asal telah dimuatkan ke laman web rasmi LHDNM pada 28 Januari 2015. Garis Panduan MAP ini menerangkan prosedur atau tatacara untuk mendapatkan bantuan daripada Pihak Berkuasa Kompeten Malaysia dalam usaha untuk menyelesaikan isu berkaitan percukaian dengan Negara Rakan Pejanji. Tindakan sedang diambil bagi mengemaskini Garis Panduan tersebut dan dijangka selesai pada akhir tahun 2017.
- **Transfer Pricing (TP) Rules and Guidelines:** Garis panduan pindahan harga dikeluarkan sejajar dengan pengenalan perundangan harga pindahan di bawah Seksyen 140A, Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 dan Kaedah Cukai Pendapatan (Penentuan Harga Pindahan) 2012. Semakan sedang dibuat bagi mengemaskini Transfer Pricing Guidelines 2012 supaya selari dengan perubahan perundangan percukaian pada peringkat antarabangsa serta cadangan di bawah BEPS Action 8-10 yang dikeluarkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* dan *Practical Manual on Transfer Pricing* oleh *United Nation*.
- **Petroleum TP Rules and Guidelines:** Industri petroleum merupakan satu industri khusus yang

mempunyai pelbagai struktur perniagaan dan kumpulan syarikat. Ianya terbahagi kepada 2 jenis industri utama iaitu Industri Hulu (Upstream) dan Industri Hiliran (Downstream). Bagi memberikan garis panduan dari aspek transaksi pindahan harga yang melibatkan syarikat berkaitan bagi industri ini, satu Garis Panduan Pindahan Harga Petroleum dan Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan – Penentuan Harga Pindahan) sedang dirangka. Semakan dan penyediaan dokumen ini sedang diambil tindakan oleh Jabatan Gubalan dan Semakan Undang-undang (JGSUU).

- **Foreign Accounts Tax Compliance Act (FATCA) Rules and Guidelines:** LHDNM sedang menyediakan undang-undang dan Garis Panduan berkaitan FATCA. Ia merupakan standard global baru bagi pertukaran maklumat secara automatik (Automatic Exchange of Information (AEOI)) untuk mengurangkan kemungkinan pengelakan cukai. Ia menyediakan platform untuk pertukaran maklumat akaun kewangan bukan pemastautin dengan pihak berkuasa cukai negara pemastautin pemegang akaun secara automatik. Pentadbir cukai yang mengambil bahagian dalam pelaksanaan AEOI dapat menghantar dan menerima maklumat yang diperlukan setiap tahun tanpa perlu menghantar permintaan tertentu.
- **Country-by-Country Reporting (CbCR) Rules and Guidelines:** Ia dibangunkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD). CbCR menyediakan template untuk suatu kumpulan perbadanan multinasional (MNE) dengan melaporkan maklumat setiap tahun untuk setiap bidang kuasa cukai di mana mereka menjalankan perniagaan. Ia melibatkan transaksi rentas sempadan dengan entiti konstituen yang lain dengan jumlah hasil kumpulan disatukan dalam tahun kewangan sebelum tahun kewangan pelaporan sekurang-kurangnya RM3 bilion.

- **Common Reporting Standards (CRS):** CRS telah dibangunkan oleh OECD untuk meletakkan satu standard model pertukaran automatik maklumat akaun kewangan bagi tujuan pematuhan cukai. Bagi memastikan semua industri kewangan dapat melaksanakan prosedur tatacara mengikut standard yang telah ditetapkan di dalam CRS, satu undang-undang dan garis panduan berhubung pelaksanaannya perlu dibuat. Bermula 23 Disember 2016, Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan) 2016 telah diwartakan sebagai undang-undang yang menguatkuasakan pelaksanaan CRS oleh industri kewangan di Malaysia.
- **Kajian Digital Economy:** Jawatankuasa Kerja Kajian Percukaian Aktiviti Digital Ekonomi khusus diwujudkan pada Februari 2016 bagi mengemukakan cadangan dan pindaan akta kepada Jawatankuasa Bajet 2017. LHDNM turut menyertai Jawatankuasa Teknikal Percukaian di bawah Majlis e-Dagang Kebangsaan (NeCC) dan telah mengemukakan kertas kajian yang bertajuk *Current Issues And Limitations With Regard To Taxation In The Context Of Digital Economy/ E-Commerce* kepada Kementerian Kewangan bagi tujuan pembentangan dalam majlis tersebut.
- **Organisational Committal Statement:** Melalui Organisational Committal Statement yang diperkenalkan, terbukti telah membawa pelbagai kesan positif kepada organisasi ini yang mana salah satu daripadanya dapat dilihat menerusi peningkatan jumlah penghantaran BNCP melalui e-filing yang tertinggi dalam sejarah organisasi iaitu sebanyak 3,677,539 atau 6.8% lebih tinggi berbanding 3,442,933 pada tahun sebelum. Berikut merupakan Organisational Committal Statement yang diguna pakai di LHDNM:
 - YOUR TAX SERVICE PROVIDER
Memberi impak positif dan mesra pelanggan kepada pembayar cukai oleh *Frontliners* yang kini dikenali sebagai *Hasil Care Group*
 - YOUR TAX EDUCATION PARTNER
Memberi imej yang lebih mesra dan informatif semasa Kunjungan Mesra Hasil dijalankan
 - YOUR TAX INDUSTRY SPECIALIST
Memaparkan kepakaran pegawai Cawangan Cukai Multinasional dan Bahagian Petroleum
 - YOUR TAX COMPLIANCE PARTNER
Sebagai komitmen untuk mewujudkan dan meningkatkan pematuhan cukai oleh pegawai Cawangan Siasatan (CSi).

MENINGKATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEPADA PELANGGAN

Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan: Pelaksanaan sistem percukaian yang adil, cekap dan berkesan adalah merupakan teras kepada sesebuah pentadbir cukai, agar fungsinya diiktiraf dan dihargai oleh rakyat, demi kesejahteraan dan kemakmuran negara. Justeru, LHDNM sentiasa berusaha untuk menambah baik penyampaian perkhidmatannya bagi memudahkan pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab percukaian masing-masing.

- **Kajian Indeks Kepuasan Pelanggan:** Dilaksanakan bermula pada Mac 2016 dan berakhir pada Nov 2016. Kajian dilaksanakan oleh konsultan luar yang dilantik, HB Academy. 100% pelaksanaan dengan pencapaian indeks kepuasan pelanggan 88.5% secara keseluruhan. Manakala pencapaian indeks kepuasan pelanggan perkhidmatan kaunter LHDNM adalah 87.2%. Pada Tahun 2016, KPI Korporat LHDNM diperkenalkan di bawah KRA 2 Fokus Pelanggan. KPI telah ditetapkan pada 75% dengan wajaran 3% daripada keseluruhan pencapaian KPI.



• HASiL 4U 2016

Program HASiL 4U 2016 telah dilancarkan pada 01 Mac bertemakan “HASiL Teman Keceriaan Anda atau HASiL Your Feel Good Partner”. Program ini merupakan aktiviti sepanjang tahun Pejabat Pengarah Negeri dan cawangan LHDNM bagi tujuan pembukaan kaunter perkhidmatan HASiL 4U di dalam dan luar lokasi pejabat sama ada untuk penganjuran pameran, ekspo, Mobile CTC, dan Hari Terbuka daripada agensi-agensi luar.

Objektif Program HASiL 4U adalah seperti berikut:

- Menggalakkan pembayar cukai memfailkan BNCP secara elektronik melalui e-Filing dan m-Filing serta memastikan BNCP diisi dengan betul dan tepat
- Menggalakkan pembayar cukai menggunakan perkhidmatan elektronik yang disediakan oleh LHDNM dalam ezHASiL
- Memberi khidmat nasihat berkenaan hal-hal percukaian kepada pembayar cukai

Kaunter HASiL4U

9710
15,080
Pengunjung

Memastikan Hasilian Mematuhi Piawaian

Profesional: Kajian Kecekapan dan Keberkesanan Perkhidmatan Kaunter Setempat (KST) di cawangan LHDNM telah dilaksanakan bagi memastikan cawangan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan sebagai satu penanda aras agar perkhidmatan yang diberikan mempunyai elemen keseragaman, kebolehpercayaan dan keselesaan kepada pelanggan sejajar dengan moto perkhidmatan LHDNM iaitu “Perkhidmatan Terbaik Untuk Anda”.

Selain itu, masalah-masalah yang dihadapi oleh cawangan yang tidak dapat mematuhi garis panduan dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan telah dibuat untuk meningkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan kaunter setempat. Antara penambahbaikan yang dicadangkan ialah petugas kaunter yang berkhidmat selama 10 tahun perlu ditukarkan kemana-mana unit/ bahagian/ cawangan lain untuk mengelakkan daripada tekanan kerja yang membebankan sehingga membawa masalah kesihatan. Penggiliran (pusingan) kerja pegawai dibuat sekurang-kurangnya 3 tahun sekali supaya mereka dapat menguasai kerja unit yang berlainan. Pusingan kerja perlu dilaksanakan dengan adil dan seimbang bagi meningkatkan kepuasan bekerja di kalangan warga LHDNM.

Kajian Keberkesanan Tindakan Pemungutan:

Kajian ini telah dilaksanakan untuk menentukan sama ada cawangan / unit pungutan mengambil tindakan yang sepatutnya terhadap kes debit semasa dan tunggakan hasil. Semakan turut dilaksanakan dengan menyemak dan melihat keberkesanan terhadap tindakan pemungutan yang telah diambil untuk meningkatkan kutipan hasil dengan mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh cawangan. Antara penambahbaikan yang dicadangkan ialah:

- Setiap Skim Bayaran Ansuran yang dikeluarkan perlu dipantau untuk memastikan bayaran dipatuhi. Tindakan selanjutnya perlu diambil ke atas pembayar cukai yang gagal mematuhi Skim Bayaran Ansuran yang dikeluarkan. Cawangan

perlu membuat pemantauan ke atas semua kes CP91 yang dikeluarkan dan menyediakan XC18 sekiranya pembayar cukai gagal membuat bayaran.

- Unit Pungutan perlu memastikan alamat pembayar cukai yang digunakan adalah alamat yang betul dan terkini supaya setiap saman yang didaftarkan dapat diserahkan dan penghakiman dapat diperoleh dengan cepat.
- Sekatan perjalanan merupakan tindakan bagi mendorong pembayar cukai menjelaskan tunggakan cukai. Oleh itu, sebelum mengambil tindakan sekatan perjalanan, Unit Pungutan perlu memastikan alamat pembayar cukai adalah alamat yang betul dan terkini supaya sijil/ surat penguatkuasaan sekatan perjalanan diterima oleh pembayar cukai.
- Pemencaran fail pungutan syarikat ke cawangan-cawangan perlu disertakan dengan tambahan pegawai yang mencukupi dan berpengalaman untuk mengendalikan kes pungutan syarikat dan kes guaman sivil supaya kes tersebut dapat diambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan debit dapat dipungut.

Memastikan Tahap Penyebaran Maklumat Yang Terkini, Telus Dan Mudah Dicapai:

- **Media Sosial:** Kandungan media sosial facebook dimuatnaik dari masa ke masa dengan makluman yang terkini bagi memastikan penyebaran maklumat berkaitan percukaian khususnya sampai kepada pengguna. Pentadbir Media Sosial LHDNM bertanggungjawab dalam menguruskan kandungan media dan maklumat yang disampaikan adalah yang terkini dan relevan. Bermula November 2016, sistem pemantauan media sosial telah dilaksanakan bagi memastikan pengurusan media LHDNM dapat diuruskan dengan lebih sistematik. Sepanjang tahun 2016, terdapat 363 bahan

maklumat yang terkini diwar-warkan di medium media sosial rasmi LHDNM. Jumlah *likers* bagi Facebook Lembaga Hasil telah mencecah 411,224 sehingga Disember 2016.

- **Portal:** Portal rasmi LHDNM merupakan medium atas talian yang membolehkan pengguna membuat capaian pantas ke atas sebarang maklumat umum yang tersedia berkaitan LHDNM. Pengguna boleh mendapatkan pelbagai maklumat dengan mengakses pautan mengikut keperluan masing-masing. Rujukan berkaitan percukaian, muat turun borang serta lain-lain makluman penting dan terkini turut boleh diperolehi pengguna tanpa perlu bersusah payah. Kemudahan portal rasmi LHDNM banyak membantu pengguna terutamanya dalam penyebaran maklumat yang terkini, telus dan semestinya mudah dicapai. Laman web portal rasmi LHDNM boleh dilayari @ www.hasil.gov.my. Sepanjang tahun 2016, portal rasmi LHDNM berjaya mencatat jumlah pengunjung seramai 30,962,414.

MEMASTIKAN KESELAMATAN ASET DAN MAKLUMAT PERCUKAIAN

Komunikasi dan transaksi online merupakan komponen penting dalam penyampaian perkhidmatan LHDNM pada masa kini. Namun, transaksi online juga boleh menimbulkan risiko penipuan misalnya individu-individu yang menipu pembayar cukai dengan mengaku diri sebagai wakil yang dilantik oleh LHDNM untuk mendapatkan maklumat tertentu atau menuntut bayaran cukai melalui e-mel. LHDNM seperti semua pembekal perkhidmatan online yang lain, sentiasa komited untuk menjamin keselamatan aktiviti online pembayar cukai. LHDNM mengambil berat berkaitan isu ini dengan sentiasa memantau sistem dan mengawal rekod pelanggan dari sebarang aktiviti penipuan. Sebagai peringatan kepada pembayar

cukai, info berkaitan sebarang kes dan jenis-jenis penipuan akan diumumkan dan segera dikenalpasti dari masa ke masa. Saluran aduan@hasil.gov.my sedia membantu bila-bila masa untuk kemudahan pembayar cukai membuat sebarang pertanyaan dan aduan.

e-Filing merupakan salah satu contoh di mana maklumat percukaian pembayar cukai dilindungi. e-Filing merupakan perkhidmatan yang membolehkan individu, syarikat, majikan dan sebagainya untuk mengisi, menandatangani secara digital dan menghantar BNCP secara online melalui internet.

Segala maklumat percukaian dilindungi oleh ciri-ciri keselamatan seperti berikut:

- Secure Socket Layer (SSL) /Jaminan keselamatan
- Public Key Infrastructure (PKI) / Prasarana Kekunci Awam
- Jagaan Data Sulit terjamin
- Boleh dibuktikan (autentik)
- Integriti
- Tanpa keraguan

Selain jaminan keselamatan data dan maklumat percukaian lain, penggunaan e-filing juga lebih mudah dan cepat diurus, capaian pada bila-bila masa sahaja, tiada kehilangan borang pengiraan cukai tepat, pengesahan penerimaan BNCP dan mempercepatkan proses bayaran balik.

MEMELIHARA REPUTASI DAN IMEJ KORPORAT

Pemantapan Tadbir Urus Yang Baik: Pemantapan sistem pengurusan kualiti bagi memperbaiki dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan operasi LHDNM dilaksanakan melalui Program audit dalaman MS ISO 9001:2008. Hasil audit dalaman yang dijalankan ini telah dibentangkan semasa Pra-Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) pada

25 Ogos 2016. Penambahbaikan telah dilaksanakan oleh jabatan pemilik proses yang terlibat. Program audit dalaman bagi MS ISO/ IEC 27001:2013 telah dijalankan bagi skop "Information Security Management System For Operation Of e-Filing System At Data Centre LHDNM, Cyberjaya".

Skop MS ISO 9001:2008.

Skop	Cawangan
Proses bayaran balik individu penggajian bagi kes e-filing dan m-filing	Jabatan Teknologi Maklumat Cawangan Miri Cawangan Seremban
Prosedur Pelaksanaan Audit Luar Kes Syarikat (Fokus Audit)	Cawangan Melaka
Proses Pelaksanaan Penerimaan, Penyediaan Dan Pemfailan Writ Saman Dan Pernyataan Tuntutan Bagi Fail OG Untuk Kes Cukai Pendapatan	Cawangan Kota Bharu
Proses bayaran prosedur pelaksanaan pelepasan sementara dan pembatalan sekatan perjalanan individu selain pengarah syarikat	Cawangan Kuantan
Prosedur pengurusan dan sokongan	Semua Jabatan LHDNM / pemilik proses terlibat

Sumber: Jabatan Pematuhan Cukai

Pada tahun 2016 terdapat pindaan yang dibuat ke atas dokumen *Internal Audit Procedure* di mana versi 1.4 telah dikeluarkan dan diluluskan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) pada 13 Jun 2016. Lawatan Audit Dalaman bagi tahun 2016 telah dijalankan pada 18 - 12 Ogos 2016. Laporan audit telah diluluskan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) pada 14 September 2016 dan telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Bersama Wakil Pengurusan (MBWP) Bil. 2/2016 pada 4 Oktober 2016.

Lawatan Audit Dalam ke atas *Internal Audit Procedure* telah dijalankan pada 22 - 23 Oktober 2016 dan laporan telah selesai dibuat pada 23 Oktober 2016. Sebanyak 2 OFI telah dibangkitkan kepada juruaudit dalaman. Proses verifikasi ke atas maklum balas OFI telah selesai dibuat pada 18 Oktober 2016 dan semua kes telah ditutup sebelum lawatan audit SIRIM dibuat pada 26 – 28 Oktober 2016.

Memperkasakan peranan *Integrity Care Officer (ICO)*: Modul 1 Kursus Pemerksaan Peranan ICO kepada ICO LHDNM telah diadakan di Akademi Percukaian Malaysia Kuching pada 28 Mac 2016 sehingga 1 April 2016. Kursus ini melibatkan seramai 81 ICO LHDNM. Lanjutan daripada kursus tersebut, ICO LHDNM bertanggungjawab untuk mengendalikan Latihan integriti di peringkat jabatan/ negeri/ cawangan/ cawangan siasatan masing-masing menggunakan Modul Latihan Integriti yang telah disediakan oleh Bahagian Integriti, Jabatan Inspektorat Dan Integriti.

Memantau Pelaksanaan Inisiatif Integriti Di Bawah Ikrar Integriti Korporat [Corporate Integrity Pledge (CIP)]: Pemantauan terhadap 2 inisiatif integriti di bawah Ikrar Integriti Koporat [Corporate Integrity Pledge (CIP)] iaitu Polisi Pemberian Maklumat LHDNM 2016 dan Polisi Tiada Hadiah & Hospitaliti telah dijalankan secara berterusan. Polisi Pemberian Maklumat LHDNM yang telah dimuat naik di Hasilpedia menjadi sumber rujukan utama kepada pemberi-pemberi maklumat dalam mengemukakan sebarang aduan berhubung penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan pegawai-pegawai LHDNM.

Template bunting Polisi Tiada Hadiah & Hospitaliti dipamerkan di ruangan yang bersesuaian seperti di kaunter-kaunter setempat dan lokasi-lokasi yang boleh diakses oleh orang awam.

Pelaksanaan program dan memantau Pelan Tindakan di bawah Pelan Integriti LHDNM (PIL):

Laporan Pelaksanaan Pelan Integriti LHDNM 2015 adalah berdasarkan pemerhatian kepada skop Analisis Tahap Pelaksanaan Program/Aktiviti di bawah Strategi 1 hingga Strategi 6 dan Analisis Prestasi Pencapaian Agensi Pelaksana.

Keputusan analisis adalah seperti berikut:

- i. Sebanyak 61 daripada 61 program / aktiviti PIL telah Berjaya dilaksanakan pada tahun 2015 iaitu mencatat 100% pencapaian
- ii. Pencapaian CEMERLANG berada pada tahap 76.60% merangkumi 64 Agensi Pelaksana. Agensi Pelaksana yang mencapai tahap SANGAT BAIK berjumlah 16 agensi. Manakala analisis bagi tahap pencapaian BAIK mencatatkan 5 agensi terlibat. Analisis mendapati satu agensi dikategorikan pada tahap LEMAH.

Memantapkan Pengurusan Aduan Integriti

Pegawai LHDNM: LHDNM sentiasa memandang serius terhadap salah laku pegawai LHDNM dalam melaksanakan tugas rasmi. Oleh itu, LHDNM telah mengambil inisiatif memaparkan prosedur saluran aduan integriti pegawai di laman sesawang LHDNM di bawah ruangan Program Integriti Hasil. Aduan integriti pegawai LHDNM melalui emel integriti@hasil.gov.my dihantar terus kepada Ketua Pegawai Integriti LHDNM yang bertanggungjawab dalam memastikan tahap integriti pegawai LHDNM berada pada aras yang tinggi. Aduan integriti dikendalikan oleh Bahagian Integriti, Jabatan Inspektorat dan Integriti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengaduan Integriti Pegawai LHDNM yang bersidang dari semasa ke semasa berdasarkan kes aduan integriti. Aduan integriti pegawai LHDNM direkodkan di dalam Sistem Pangkalan Data Integriti (SPEDi) untuk tujuan pemantauan.

Penganjuran Hari Integriti: Hari Integriti Tahun 2016 bertemakan SYNERGIZING INTEGRITY yang bertepatan dengan tema tahunan LHDNM iaitu SYNERGY BEYOND BOUNDARIES yang memaparkan kepentingan sinergi dalam organisasi. Secara konsepnya integriti disinergikan secara keseluruhan dalam menjayakan peranan LHDNM sebagai PENTADBIR CUKAI TERUNGGUL yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Antara intipati penting dalam penganjuran Hari Integriti Tahun 2016 ini adalah:

- Integriti perlu dipupuk dan dibudayakan bermula daripada rumah bagi melahirkan modal insan yang cemerlang di dunia dan akhirat.
- Pembudayaan integriti dalam sesebuah organisasi dapat meningkatkan produktiviti ke arah yang lebih mapan.
- Pemimpin memainkan peranan terpenting dalam pembangunan sesebuah negara.

Meningkatkan Reputasi LHDNM:

Sepanjang tahun 2016, Jabatan Percukaian Antarabangsa (JPCA) telah menguruskan penglibatan sejumlah 171 pegawai yang terdiri daripada pihak pengurusan tertinggi serta pegawai LHDNM untuk mengambil bahagian dalam persidangan, seminar, bengkel, kursus dan mesyuarat antarabangsa di luar negara. Sebanyak 6 kumpulan delegasi luar negara yang melibatkan 212 pegawai dari pelbagai pentadbir cukai dan pertubuhan antarabangsa yang lain turut diurus oleh JPCA dalam tahun 2016. JPCA juga telah mengendalikan 4 lawatan sambil belajar ke luar yang melibatkan seramai 54 orang pegawai LHDNM.

Kursus, Bengkel, Latihan dan Lawatan Antarabangsa:

- i. Bengkel Asia Pacific AEOI Implementation di Canberra, Australia; 16 - 18 Februari 2016

- ii. Bengkel Tax Evasion and Compliance Strategies di Tokyo, Japan; 09 – 11 Mac 2016
- iii. Kursus Conducting Financial Investigations (Foundation) Programme di Rome, Italy; 11 – 22 April 2016
- iv. Bengkel Tax Administration Diagnostic Assessment Tool (TADAT) di Canberra, Australia; 26 – 28 April 2016
- v. Kursus International Taxation for Asian Countries di Tokyo, Japan; 10 – 28 Mei 2016
- vi. Latihan IBM Z Systems Technical University di Munich, Germany; 11 – 19 Jun 2016
- vii. Bengkel SGATAR-OECD Transfer Pricing Programme & SMU-TA Centre for Excellence in Taxation Annual Conference di Singapura; 05 – 09 September 2016
- viii. OECD International Academy For Tax Crime Investigation: Managing Financial Investigation(Intermediate) Programme di Rome, Italy; 12 - 30 September 2016
- ix. Century Financials Enrichment Training & Technology Update di Bangkok, Thailand; 21- 24 September 2016
- x. Latihan dan Pemindahan Teknologi Dense Wavelength Division Multiplexing (DWDM) di Shenzhen, China; 17 – 21 Oktober 2016
- xi. Latihan IBM Technical University (Virtual Library VE TS7740) di Baltimore, USA; 29 Oktober - 6 November 2016
- xii. Lawatan sambil belajar ke National Tax Service (NTS) Korea dan ke CENSOF Site Office(CIAT) di Seoul, Korea; 20 – 22 Disember 2016

Penganjuran Persidangan Antarabangsa: 13th

ATAIC Annual Technical Conference 2016 telah diadakan pada 26 - 29 September 2016. Persidangan ini telah dihadiri oleh 107 perwakilan dari 21 negara ahli ATAIC dan 2 negara pemerhati ATAIC. Selain itu, persidangan ini turut dihadiri oleh tetamu khas dari National Tax Agency (NTA), Jepun serta 3 pertubuhan antarabangsa iaitu Commonwealth Association of Tax

Administrators (CATA), International Bureau of Fiscal Documentation (IBFD) dan International Tax Compact (ITC). Beberapa institusi dan agensi-agensi tempatan juga telah turut serta dalam persidangan ini.

Dalam usaha mencapai mandat untuk menggalakkan kerjasama dan dialog antara ahli-ahlinya, 13th ATAIC Annual Technical Conference telah diadakan untuk membincangkan secara terbuka dan berkongsi idea dan pengalaman mengenai isu-isu berkaitan dengan tema Persidangan iaitu “Enhancing Efficiency in Tax Administration”. Topik perbincangan semasa Persidangan adalah “Big Data Analysis in Tax Administration” dan “Communication Strategies in Tax Reform”. Topik-topik ini telah dipilih berdasarkan perkaitannya dengan isu-isu semasa yang relevan.

Jaringan dan Perhubungan Antarabangsa dengan Pertubuhan Antarabangsa: LHDNM terus meningkatkan penglibatan secara aktif di samping mengekalkan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan domestik.

LHDNM melalui JPCA terus mengekalkan perhubungan yang telah lama wujud dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti:

- i. Commonwealth Association of Tax Administrators (CATA)
- ii. Study Group on Asian Tax Administration and Research (SGATAR)
- iii. Association of Tax Authorities of Islamic Countries (ATAIC)
- iv. Inter-American Center of Tax Administrations
- v. Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)
- vi. International Bureau of Fiscal Documentation (IBFD)
- vii. United Nations (UN)
- viii. International Monetary Fund (IMF)
- ix. Asian Development Bank (ADB)

LHDNM juga telah meningkatkan perhubungan di peringkat antarabangsa menerusi pentadbir percukaian dan pertubuhan lain dan terus berhubung serta bekerjasama dengan pertubuhan tersebut dengan mengambil bahagian di dalam mesyuarat /persidangan antarabangsa di samping turut membantu dalam penganjurannya.

LHDNM turut menguruskan penglibatan aktif pegawai LHDNM dalam mesyuarat serta persidangan OECD yang banyak memberikan fokus kepada mesyuarat dan persidangan antaranya Working Party, FTA Joint International Tax Shelter Information and Colaboration (JITSIC), Global Forum AEOI Working Group, Joint Meeting of the FTA MAP Forum; Task Force on Tax Crimes and Other Crimes (TFTC), WP 11 on Aggressive Tax Planning dan Working Party No. 6 Meeting on the Taxation of Multinational Enterprises. Penglibatan LHDNM juga terus aktif di dalam Meeting of the UN Tax Committee’s Subcommittee on Transfer Pricing dan juga Committee of Experts on International Cooperation in Tax Matters.





TERAS STRATEGIK

3

Sistem Dan Prosedur Kerja Yang Cepak Dan Berkesan

- Membangunkan Dan Memantapkan Sistem Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
- Meningkatkan Kecekapan Dan Keberkesanan Kos
- Menambahbaik Prosedur Kerja
- Membudayakan Pengurusan Risiko

LHDNM akan sentiasa menambahbaik piawaian perkhidmatan bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan prestasi perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan. Strategi LHDNM ialah membangunkan dan memantapkan sistem teknologi maklumat dan komunikasi, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kos, menambah baik prosedur kerja dan membudayakan pengurusan risiko dalam proses kerja.

Kadar pematuhan dapat dipertingkatkan dengan adanya kemudahan capaian kepada maklumat yang cepat, tepat dan boleh diperolehi pada bila-bila masa. Pemantapan aplikasi sistem percukaian dibuat supaya ia boleh dicapai dari pelbagai lokasi dan peranti elektronik mudah alih. Penggunaan alat analisis data dan penambahan

automasi dibuat untuk menambah baik proses kerja sedia ada. Ini menyumbang kepada keberkesanan kos dalaman dengan pengagihan sumber yang strategik.

Prosedur kerja diperkemas secara berterusan bagi mengurangkan kerenah birokrasi dan mempercepatkan proses membuat keputusan. Inisiatif-inisiatif yang bertujuan mempertingkatkan keberkesanan fungsi sistem teknologi maklumat akan dilaksanakan di bawah teras ini.

LHDNM juga membudayakan pengurusan risiko dalam semua proses kerja bagi meminimakan ancaman yang boleh menjejaskan keupayaan mencapai matlamat. Profil risiko dibangunkan dan risiko dipantau dalam inisiatif-inisiatif perancangan strategik bagi membolehkannya diurus dengan cekap dan berkesan.



MEMBANGUNKAN DAN MEMANTAPKAN SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Memodenkan Sistem Aplikasi Dan Infrastruktur ICT

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sentiasa dipertingkatkan dalam pembangunan dan pelaksanaan pelbagai program penambahbaikan perkhidmatan yang diperkenalkan oleh LHDNM. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh LHDNM dalam tahun 2016 adalah penambahbaikan yang melibatkan sistem ReMS, DMAS dan aplikasi paparan "Lejar Pembayar Cukai".

Aplikasi paparan "Lejar Pembayar Cukai" yang telah pun siap dan kini telah digunakan bagi tujuan pemantauan dan pematuhan bayaran tunggakan cukai oleh JPH. Selain itu ia juga bertujuan untuk semakan kedudukan lejar terkini oleh pembayar cukai semasa pengemukaan BNCP menerusi e-Filing.

Perkhidmatan ezHasil turut diperkemaskan melalui pemantapan kaedah bayaran seperti penggunaan ATM, Tele Banking, cash dan cheque deposit machine (CDM). Selain itu, perlantikan ejen kutipan cukai telah ditingkatkan di 14 buah bank dan pos malaysia serta eBayaran iaitu ePCB, eData PCB, ByrHasil dan kad kredit diperluaskan secara online. Penambahbaikan yang dilaksanakan ini ternyata banyak memberi kemudahan kepada pembayar cukai terutama bagi pembayaran PCB oleh majikan.

Pembangunan aplikasi penerimaan bayaran cukai pegangan menerusi firma perbankan masih dalam peringkat perbincangan berikutan tumpuan kepada pembangunan kaedah pembayaran cukai pendapatan menggunakan kad kredit dan kad debit di kaunter bayaran LHDNM dan penggunaan 'Virtual Account' bagi pembayaran amaun PCB bulanan oleh majikan. Kaedah 'Virtual Account' mungkin akan turut digunakan sebagai kaedah bayaran secara dalam talian (on-line) melibatkan cukai lain seperti cukai pegangan dan cukai aktiviti luar pesisir Labuan.

Jadual 1: Kaedah Bayaran Cukai dan Jumlah Kutipan

	2016 RM Juta	2015 RM Juta
Kaunter Bayaran LHDNM		
Jumlah	15,321.82	16,022.63
Kaunter Bank		
CIMB Bank Berhad	352.26	323.85
Public Bank Berhad	537.59	520.41
Pos Malaysia	3.71	2.068
Jumlah	893.56	846.33
Perbankan Internet		
CIMB Bank Berhad	1,048.42	656.62
Public Bank Berhad	314.63	214.58
RHB Bank Berhad	660.70	517.51
Alliance Bank Berhad	168.53	105.52
Maybank Berhad	1,179.03	848.01
EON Bank Berhad	189.96	136.79
OCBC Bank Berhad	282.08	186.38
Citibank	900.18	969.26
HSBC Bank	227.37	95.23
AmBank	57.70	37.26
Bank Islam	3.58	0.224
Pos Malaysia	0.20	0.153
AFFIN Bank	0.06	-
e-PCB & e-Data PCB	130.33	47.51
Jumlah	5,162.77	3,815.04
JUMLAH KESELURUHAN	21,378.15	20,684.00

Sumber: Jabatan Pungutan Hasil

DMAS

Debt Management Analytics System

Statistical Package For Social Science **SPSS**

Menganalisa gelagat pembayar cukai •
 Kebarangkalian gagal CP204 -
 Kebarangkalian gagal CP500 -
 Kebarangkalian gagal bayar cukai oleh syarikat -
 Kebarangkalian gagal bayar cukai oleh individu -

Segmentasi pembayar cukai •

TACOS Tax Collection Optimizer Solution

- Analisa tindakan pemungutan yang telah diambil
- Menggabungkan data yang sedia ada di gudang data
- Menyemak data dengan proses pemungutan
- Menilai keupayaan membayar iaitu skor 1-10 yang dinamakan “ NBA mata” di mana mata 10 menunjukkan keupayaan membayar cukai paling tinggi
- Mencadangkan tindakan pemungutan yang efektif “Next Best Action (NBA)”

Fasa 1

Seksyen 107A & 109 yang melibatkan Skrin Layak Kenaikan, Kenaikan dan Cek Tak Laku

Fasa 2

Senarai kes WHT berkurang bayar pengecualian S107A dan senarai kutipan WHT

Modul Baru ReMs-WHT Cukai Pegangan

Jadual 2: Statistik e-DAFTAR Bagi Tahun 2016

Kategori	Individu	Syarikat	Majikan
Bilangan Permohonan	112,466	25,059	13,992
Permohonan Berjaya Didaftar	110,615	21,146	13,625

Sumber: Jabatan Operasi Cukai

Jadual 3: Statistik Perkhidmatan e-Services

Perkhidmatan	Bilangan Transaksi	
	2016	2015
e-Bayaran	189,257	152,172
STAMPS	3,012,186	2,529,044
e-PCB	137,390	85,701
e-Data PCB	33,951	25,484
e-Kemaskini	75,070	61,834
e-SPC	1,899	1,377
e-LEJAR	352,583	73,151

Sumber: Jabatan Operasi Cukai

ezHASiL

e-FILING

Kaedah mengisi dan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan secara elektronik

Prestasi Memfail Secara Elektronik Tahun 2016 Berjaya Mencatat **3,714,654** Berbanding **3,475,358** Tahun 2015

MyTax

Paparan maklumat aktiviti percukaian terkini, status penerimaan borang e-BE/ e-B/ e-BT/ e-M/ e-MT, e-Lodgement CKHT dan maklumat pembayaran balik

TAeF

Ejen Cukai boleh memfail secara elektronik Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi pihak pelanggannya

e-PCB

Bantu majikan yang tidak mempunyai sistem penggajian berkomputer mengira dan menyemak PCB

e-LEJAR

Semak Butiran Peribadi, Transaksi Lejar dan Kedudukan terkini baki cukai

e-DAFTAR

Daftar sebagai pembayar cukai individu, syarikat dan majikan

KALKULATOR PCB

Sistem sokongan untuk mengira PCB

e-DATA PCB

Kegunaan majikan menyemak format dan memuat naik fail txt CP39 untuk dihantar ke LHDNM secara dalam talian

m-FILING

Kemudahan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (e-BE) melalui peranti mudah alih

e-SPC

Sistem Permohonan Surat Penyelesaian Cukai secara dalam talian

e-KEMASKINI

Aplikasi bagi membolehkan pembayar cukai mengemaskini maklumat Profil Diri, Maklumat Pelepasan dan Profil Syarikat

ByeHASiL

Aplikasi elektronik untuk pembayaran cukai pendapatan melalui bank-bank yang dilantik

STAMPS

Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem secara elektronik melalui internet

e-BaS

Penghantaran e-Borang secara kelompok untuk ejen cukai berdaftar

e-DATA PRAISI

Sistem untuk membolehkan majikan menyemak data praisi yang dihantar

e-RESIDENCE

Sijil Taraf Mastautin (STM) dikeluarkan untuk mengesahkan status pemastautin di Malaysia

MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN KOS

Perkhidmatan Dan Pengurusan Berkualiti Dan Berkesan: Akademi Percukaian Malaysia (APM) merupakan institusi latihan yang diamanahkan untuk melatih pegawai LHDNM menjalankan tugas dengan lebih profesional dan kompeten. APM bertanggungjawab melaksanakan program latihan yang berkualiti dan bersesuaian dengan kehendak semasa agar budaya pembelajaran berterusan dapat ditanam di kalangan pegawai.

Dasar kualiti APM telah menggariskan usaha untuk meningkatkan kemahiran sumber manusia LHDNM ke arah kecemerlangan berteraskan integriti melalui latihan berkesan. APM beriltizam untuk sentiasa meningkatkan kecemerlangan dalam program latihan yang dijalankan agar ia memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan keperluan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008. APM juga bertanggungjawab melatih pegawai supaya lebih berpengetahuan, berprestasi tinggi, *multi-skilled*, berintegriti, kreatif & inovatif dan pada masa yang sama membantu dalam penjimatan kos pengurusan dan pentadbiran.

Pelaksanaan kursus melalui aplikasi e-pembelajaran semakin meluas dilaksanakan di Akademi Percukaian Malaysia. Pembangunan aplikasi sentiasa dipantau dan dikemaskini bagi menjaga kualiti perkhidmatan yang disediakan. Latihan sokongan yang berterusan kepada pegawai latihan dengan menyediakan kursus TOT dari semasa ke semasa kerana e-pembelajaran sentiasa mengalami perubahan berdasarkan perkembangan terkini dalam sistem teknologi.

Dasar kualiti APM telah menggariskan usaha untuk meningkatkan kemahiran sumber manusia LHDNM ke arah kecemerlangan berteraskan integriti melalui latihan berkesan

Jadual 4: Kursus Menggunakan Aplikasi e-Pembelajaran

Nama Pusat	Bilangan Kursus
Pusat Latihan Undang-Undang (PLUU)	43
Pusat Latihan Akaun & Audit (PLAA)	9
Pusat Latihan Pengurusan (PLP)	4
Pusat Latihan Teknologi Maklumat	2

Sumber: Akademi Percukaian Malaysia

Jadual 5: TOT Bagi Pegawai Latihan

Nama Kursus	Tarikh Pelaksanaan
Latihan LMS dan i-Spring untuk Jabatan Kewangan	23 Feb 2016
Latihan LMS dan i-Spring untuk Jabatan Sivill dan Pendakwaan	9 Jun 2016
Latihan LMS dan i-Spring untuk Jabatan Pungutan Hasil	14 Nov 2016

Sumber: Akademi Percukaian Malaysia

MENAMBAHBAIK PROSEDUR KERJA

Mengharmonikan Prosedur Kerja Setara Dengan Pentadbiran Cukai Terbaik: LHDNM memantapkan proses dan prosedur kerja sedia ada dengan mengeluarkan arahan operasi yang jelas berhubung layanan ke atas baki kredit cukai bagi syarikat yang sedang dalam proses penggulangan. Sepanjang tahun 2016 sebanyak 6 Pekeliling Operasi, 13 Memo Am dan 54 Memo Khusus berhubung proses dan prosedur kerja telah dikeluarkan oleh JPH untuk panduan pelaksanaan dan tindakan seluruh cawangan LHDNM.

Mengemaskini Dan Memantapkan Prosedur Pemungutan: Ini dilaksanakan secara berterusan selaras dengan cadangan pindaan akta dan undang-undang dengan mengemukakan cadangan pindaan yang berkenaan untuk pertimbangan Jawatankuasa Gubalan, Pengurusan Atasan LHDNM dan Kementerian Kewangan. Sebanyak 5 cadangan dikemukakan untuk pertimbangan iaitu kertas cadangan pindaan akta bagi mewajibkan pembayar cukai kategori Koperasi, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Amanah, Amanah Unit / Harta Tanah / Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta untuk mengemukakan anggaran cukai (CP204) secara elektronik (e-Anggaran). Cadangan-cadangan adalah seperti berikut:

- **Pengintegrasian data pembayar cukai dan sistem e-filing agar lebih fleksibel:**
 - Menambahbaik fungsi STSNC bagi penyediaan penyata kedudukan akaun supaya boleh dipinda dan dikemaskini. (Selesai dan telah digunakan)
 - Kes bayaran ganjil perlu ada pemakluman atau status yang mudah dilihat di dalam sistem STSNC. (Selesai dan telah digunakan)

- Status tindakan bagi kes-kes kebangkrapan PCB tidak remit perlu ada di STSNC. (Selesai dan telah digunakan)
- Kawalan Vot TBBC melalui sistem ERAS/ Vot bagi peruntukan Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC) kini dikawal menggunakan sistem ERAS. Ianya membolehkan agihan dana dan kawalan kelulusan dilakukan dengan lebih mudah oleh JPH.

- **Meningkatkan Pengetahuan Pegawai Pungutan Di Cawangan**

Antara langkah yang diambil ialah:

- Memperjelaskan dasar, polisi dan prestasi pungutan dan mencari kaedah penyelesaian masalah
- Menganjurkan program konvensyen pungutan
- Bengkel penambahbaikan tindakan pemungutan ke atas pengarah syarikat di bawah seksyen 75A ACP 1967
- Bengkel menghasilkan "Resolusi Penambahbaikan Tindakan Pemungutan Ke Atas Pengarah Syarikat"
- Taklimat KPI dan pemantauan statistik pungutan 2016 untuk setiap PPN

- **Memantau Pelaksanaan Aktiviti Pungutan Agar Selaras Dengan Dasar Pungutan:** Bertindak sebagai Meja Bantuan Dasar dan Operasi Pungutan untuk sebarang isu teknikal dan permasalahan pungutan yang dibangkitkan oleh pengguna di cawangan. Tumpuan kepada pelaksanaan dasar baru pungutan iaitu Sasaran Kerja Tahunan Pegawai Pungutan Berdasarkan Norma Kerja kutipan Ringgit Malaysia (RM) mulai tahun 2016.

Keputusan SPAN 2015 Sektor Ibu Pejabat menunjukkan tahap pengamalan nilai di LHDNM mencapai 84.51 poin berada pada tahap **BAIK** iaitu “**Boleh Diterima Dengan Meneruskan Usaha Peningkatan**”

Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN):

Pelaksanaan SPAN Tahun 2015 bagi sektor ibu pejabat melibatkan 22 Agensi Pelaksanaan merangkumi jabatan dan cawangan di Ibu Pejabat LHDNM termasuk Akademi Percukaian Malaysia Bangi. SPAN bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan program-program nilai murni dan program lain yang berkaitan serta membangunkan strategi meningkatkan amalan dan penghayatan nilai murni di LHDNM. Selain itu SPAN juga digunakan untuk mengukur, mengenal pasti, tahap amalan nilai dan menambah baik pelaksanaan sesuatu program.


MEMBUDAYAKAN PENGURUSAN RISIKO

Program Pengurusan Risiko Teguh (Robust

Enterprise Risk Management): Program ini dilaksanakan untuk mengenal pasti risiko-risiko yang baru muncul dan strategi bagi mengurangkan risiko tersebut sebelum ia memberi kesan kepada prestasi keseluruhan organisasi.

Pogram kajian dan pengemukaan maklum balas dari cawangan-cawangan dan pemilik proses yang menjadi auditi kepada peringkat-peringkat yang berkenaan di Jabatan Audit Negara telah diselaraskan mengikut keperluan. Dua kajian telah dijalankan bagi tujuan tersebut iaitu Pengurusan Tindakan Guaman

Carta 1: Keputusan Audit Nilai Tahun 2015



Poin	Tahap Pengamalan Nilai	Interpretasi
> 90	Cemerlang dan perlu dikekalkan	Cemerlang
80 – 89	Boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan	Baik
60 – 79	Perlu penambahbaikan dengan pemantauan	Sederhana
< 59	Sangat perlu penambahbaikan dengan pemantauan	Lemah

Sumber: Jabatan Inspektorat & Integriti

Sivil Terhadap Syarikat dan Pengurusan Tunggakan Cukai. Hasil daripada itu, Sekatan Perjalanan ke Luar Negara di bawah Seksyen 104 Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Seksyen 22 ACKHT 1976 bagi semua kategori pembayar cukai Di LHDNM telah dikenakan.

Manakala maklum balas dari cawangan-cawangan dan pemilik proses yang terlibat telah dikemukakan kepada Sektor Persekutuan Jabatan Audit Negara, Ketua Audit Negara, Bahagian Strategi Korporat Kementerian Kewangan, Unit Audit Dalam, Kementerian Kewangan dan Public Account Committee (PAC) dan AG's Dashboard untuk tindakan selanjutnya.

Jadual 6: Tindakan Larangan Meninggalkan Negara

Jenis	Daftar					
	Kes Daftar Sehingga 31.12.2015	Amaun (RM Juta)	Kes Daftar Tahun 2016	Amaun (RM Juta)	Jumlah Kes	Jumlah Amaun (RM Juta)
Sek 104	156,631	3,853.25	44,967	585.55	201,598	4,438.79
Sek 22	17,115	262.42	3,359	59.34	20,474	321.76

Jenis	Batal					
	Kes Daftar Sehingga 31.12.2015	Amaun (RM Juta)	Kes Daftar Tahun 2016	Amaun (RM Juta)	Jumlah Kes	Jumlah Amaun (RM Juta)
Sek 104	55,319	1,298.03	23,527	515.91	78,846	1,813.93
Sek 22	7,864	122.94	2,572	45.40	10,436	168.34

Masih Berkuatkuasa Sehingga 31.12.2016				Sek 104	122,752	2,624.86
				Sek 22	10,038	153.42

Bilangan kes dan amaun berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2016 (termasuk kes didaftarkan sebelum tahun 2016) - Sumber: Jabatan Pungutan Hasil



TERAS STRATEGIK

4

LHDNM Sebagai Majikan Pilihan

- Melaksanakan Organisasi Yang Mempunyai Saiz Perjawatan Dan Struktur Yang Optimum
- Membangunkan Sumber Manusia Yang Kompeten Dan Profesional
- Menyediakan Persekitaran Kerja Yang Kondusif
- Memperkukuhkan Kepimpinan Dan Kepakaran

LHDNM berhasrat menjadi majikan pilihan kepada individu yang berkaliber tinggi dan mempunyai kepakaran yang relevan seiring dengan persekitaran percukaian yang semakin dinamik. Dalam usaha mencapai matlamat ini, LHDNM memberi tumpuan kepada empat objektif strategik iaitu melaksanakan organisasi yang optimum, menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, membangunkan sumber manusia yang kompeten dan profesional dan memperkukuhkan Tadbir urus kepimpinan.

Tadbir urus sumber manusia diperkukuhkan melalui pelaksanaan organisasi yang mempunyai saiz perjawatan dan struktur yang optimum dengan meningkatkan tahap kecekapan di samping mengurangkan pembaziran sumber manusia. Pengambilan tenaga kerja baharu diperkemas dengan penekanan kriteria pemilihan yang khusus untuk memastikan hanya calon yang terbaik diterima sebagai Hasilian. Setiap inisiatif yang dirangka menterjemahkan komitmen LHDNM untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif berlandaskan konsep *Feel Good At Work*.

LHDNM menawarkan imbuhan perkhidmatan serta laluan kerjaya yang kompetitif. Peluang

kerjaya bersama LHDNM juga memberikan pengalaman dan kepakaran percukaian yang terbaik. Penekanan diberi untuk menggalakkan keseimbangan di antara kerja pejabat dan kehidupan peribadi. Budaya kerja yang sihat dan selamat diamalkan untuk menjamin keselesaan dan kesejahteraan Hasilian.

LHDNM memahami pentingnya Hasilian yang kompeten dan profesional dalam memberikan perkhidmatan percukaian yang berkualiti. Hasilian diberi peluang latihan di dalam dan luar negara untuk mempertingkatkan kemahiran, pengetahuan dan kepakaran mereka selaras dengan kemajuan semasa. Salah satu elemen organisasi yang berjaya adalah keupayaan untuk berubah mengikut keperluan persekitaran semasa. Untuk menjayakan sesuatu transformasi memerlukan kepimpinan yang mampu menerajui perubahan serta menetapkan matlamat yang jelas kepada semua Hasilian.

LHDNM akan terus melaksanakan program pembangunan bagi memperkukuhkan kepimpinan LHDNM. Ini dilakukan melalui pemantapan pengetahuan dan kemahiran pemimpin dan bakal pemimpin supaya mereka dapat memacu Hasilian ke arah pencapaian matlamat organisasi.

MELAKSANAKAN ORGANISASI YANG MEMPUNYAI SAIZ PERJAWATAN DAN STRUKTUR YANG OPTIMUM

Pemantapan dan Penjajaran Sumber Manusia:

Kapasiti LHDNM sentiasa diperkukuhkan setiap tahun bagi memastikan perancangan yang dibuat dapat dilaksanakan secara berterusan. Transformasi dalam pengurusan serta perjawatan ditambahbaik dan setiap penempatan telah disusun atur mengikut kepakaran bagi memastikan pelaksanaan kerja secara bijak. LHDNM dalam tahun 2016, telah melaksanakan pemantapan struktur organisasi dan perjawatan mengikut keperluan semasa dan yang terkini dengan mewujudkan sebanyak 500 perjawatan baru meliputi penaksiran, perundangan, perakaunan, teknologi maklumat dan pentadbiran. pemantapan urusan pemerolehan bakat juga telah dilaksanakan untuk mendapatkan *“the right people at the right time at the right place”*.

Sistem Ganjaran Yang Kompetitif:

LHDNM mempunyai sistem ganjaran yang kompetitif dan menarik untuk menjadi sebagai majikan pilihan. Pelbagai kemudahan yang lebih menarik juga telah disediakan kepada Hasilian seperti saguhati tamat perkhidmatan, hotel panel dan hospital insurans. Selain itu, LHDNM juga mengiktiraf Hasilian yang telah meningkatkan imej LHDNM di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan organisasi dengan mewujudkan *Hall of Fame* dan *Wall of Fame*.

MEMBANGUNKAN SUMBER MANUSIA YANG KOMPETEN DAN PROFESIONAL

Menyedia Dan Melaksanakan Latihan Untuk Menyerlah Dan Meningkatkan Potensi Bakat:

- Kursus Audit PCB untuk pegawai dilaksanakan dengan memberikan latihan dalam bengkel e-auditing. Bilangan pegawai yang telah berjaya

diberikan latihan dalam bengkel e-auditing payroll adalah sebanyak 97 orang pegawai audit di bawah PPN Putrajaya, Kedah/Perlis, Pahang, Kuala Lumpur (CPCB), Sabah dan Sarawak.

- Taklimat e-dagang dijalankan di 9 buah cawangan LHDNM untuk memberi maklumat berkaitan perniagaan atas talian. Taklimat yang disampaikan adalah berkaitan dengan pengauditan, profiling, garis panduan e-Dagang, manual e-Dagang dan isu-isu semasa.



Menyediakan Program Latihan Yang Memenuhi Keperluan Semasa:

- Analisis keperluan latihan (TNA) dilaksanakan supaya kursus-kursus yang dijalankan sentiasa relevan dengan kehendak pelanggan. Daripada 290 maklumbalas yang diterima, majoriti cadangan yang diterima adalah berkaitan topik GST, industri perikanan, e-Dagang dan MLM.
- Semua kandungan kursus telah disemak semula sebelum kursus dijalankan dengan mengambilkira perubahan semasa. Antara pusat latihan yang terlibat dalam membuat semakan dan mengambil tindakan ke atas kandungan kursus adalah seperti jadual berikut:

Jadual 1: Penyelarasan Kandungan Kursus

Pusat Latihan	Tindakan
Pusat Latihan Akaun dan Audit	Kemaskini nota kursus akaun lanjutan dengan pindaan terkini MFRS
	Membangunkan lima kes simulasi baru bagi kursus audit lanjutan
	Menyediakan nota teknik temuduga bagi Kursus KAP Tahap 2
Pusat Latihan Undang-Undang	Menyemak dan mengemaskini semua kandungan kursus supaya selari dengan pindaan terkini ACP 1967, APP 1986 dan perubahan semasa
Pusat Latihan Teknologi Maklumat	Menyemak dan mengemaskini kandungan kursus bagi Kursus Asas Perkhidmatan (Modul ICT)
Pusat Latihan Pengurusan	Menyemak dan mengemaskini kandungan kursus berkaitan

Sumber: Akademi Percukaian Malaysia

- Penilaian kursus menggunakan e-OMR telah dilaksanakan bagi menilai keberkesanan setiap kursus yang dijalankan. Hasil daripada penilaian tersebut, 80% skor bagi purata penilaian keseluruhan kursus telah berjaya dicapai.

Jadual 2: Skor Purata Pencapaian

Objektif Kursus	91%
Isi Kandungan	91%
Metodologi Latihan	91%
Kemudahan Kursus	91%
Kriteria Lain	90%
Purata Skor	90%

Sumber: Akademi Percukaian Malaysia

- Melaksanakan kursus yang dirancang, kursus Ad-Hoc dan kursus anjuran pihak luar

Jadual 3: Jenis Kursus Dan Peserta

Pusat Latihan	Kursus Dirancang	Kursus Adhoc	Kursus Anjuran Pihak Luar	Bilangan Peserta Kursus
PLAA	18	1	6	634
PLAPI	13	8	0	656
PLUU	45	1	7	1,658
PLTM	22	3	0	992
PLP	23	23	1	2,476
APM Kuching	23	0	13	1,022

Sumber: Akademi Percukaian Malaysia

Melaksanakan Program/ Projek Pembangunan Insan Berkompeten Melalui Penulisan Ilmiah Dan Perkongsian Ilmu:

- **Program latihan kerjasama dengan organisasi antarabangsa:** LHDNM telah melaksanakan program latihan kerjasama dengan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), Commonwealth Association of Tax Administration (CATA) dan International Bureau of Fiscal Documentation (IBFD). Program latihan kerjasama dengan Kementerian Luar Negeri, Malaysia turut dibuat bagi mengukuhkan hubungan bilateral.

- **Program National Tax Conference (NTC):**

Bertujuan memantapkan kerjasama dengan pihak CTIM dalam memberi pendedahan berhubung isu terkini percukaian di samping menyediakan platform perbincangan berkaitan isu terkini kepada pengamal percukaian. Program NTC 2016 telah berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre pada 9 hingga 10 Ogos 2016 melibatkan seramai 1,970 peserta.

- **Program Kem Cerdik Cukai (KCC):** Program ini bertujuan menyampaikan pendidikan awal bagi menerapkan kefahaman dan kemahiran asas percukaian kepada golongan remaja. Program ini telah berlangsung di APM pada 27 November hingga 2 Disember 2016 melibatkan seramai 214 pelajar Tingkatan Enam dan 54 guru pembimbing dari 52 buah sekolah seluruh Malaysia.

MENYEDIKAKAN PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF

Setiap inisiatif yang dirancang menterjemahkan komitmen LHDNM untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif berlandaskan konsep *Feel Good At Work*. LHDNM menawarkan imbuhan perkhidmatan serta laluan kerjaya yang kompetitif. Peluang kerjaya bersama LHDNM juga memberikan pengalaman dan kepakaran percukaian yang terbaik. Penekanan diberi untuk menggalakkan keseimbangan di antara kerja pejabat dengan kehidupan peribadi. Budaya kerja yang sihat dan selamat diamalkan untuk menjamin keselesaan dan kesejahteraan Hasilian. LHDNM memahami pentingnya Hasilian yang kompeten dan profesional dalam memberikan perkhidmatan percukaian yang berkualiti.

Hasilian diberi peluang latihan di dalam dan luar negara untuk mempertingkatkan kemahiran, pengetahuan dan kepakaran mereka selaras dengan kemajuan semasa.

Salah satu elemen organisasi yang berjaya adalah keupayaan untuk berubah mengikut keperluan persekitaran semasa. Untuk menjayakan sesuatu transformasi memerlukan kepimpinan yang mampu menerajui perubahan serta menetapkan matlamat yang jelas kepada semua Hasilian. Sepanjang tahun 2016, LHDNM telah melaksanakan pelbagai program pembangunan bagi memperkukuhkan kepimpinan LHDNM. Ini dilakukan melalui pemantapan pengetahuan dan kemahiran pemimpin dan bakal pemimpin supaya mereka dapat memacu Hasilian ke arah pencapaian matlamat organisasi. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- **Pengurusan potensi sumber manusia**

berkualiti: Pusat Latihan Pengurusan, Akademi Percukaian Malaysia telah menghantar pensyarah berkursus dalam bidang dan pengkhususan tertentu berdasarkan keperluan semasa di dalam dan luar negara bagi membina kepakaran pensyarah terlibat dalam bidang masing-masing seperti di jadual 4 dan 5.

- **Membudayakan Pembelajaran Secara**

Berterusan: Mengoptimumkan kepakaran pensyarah lama yang melebihi lima tahun dengan memberikan khidmat TOT (coaching or mentoring) kepada pensyarah baharu seperti di Jadual 6.

Jadual 4: Senarai Kursus Yang Diikuti Oleh Pensyarah PLAA

Nama Kursus	Bilangan Pegawai
Bengkel <i>Resolving Complexities In Accounting For GST</i>	1
NTC 2015 (<i>Budget Proposal Audit & Investigation Facts Or Myths</i>)	3
Bengkel GST Tax Planning	1
Seminar BEPS	1
Bengkel impact of GST	1
Kursus Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001-2016	10
Kursus Pembangunan Diri Dan Penerapan Budaya Inovasi	2
Kursus Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001-2016	10
Kursus Pembangunan Diri Dan Penerapan Budaya Inovasi	2
Kursus Investment Analysis	1
Kursus Application Of Behavioural Finance And Money Personality In Financial Planning	1
Kursus Forensic Audit & Forensic Accounting	2
Taklimat Pengenaan Cukai Barang Dan Perkhidmatan	46
Kursus Transitioning Existing Businesses In Compliance With The Companies	1
Seminar Percukaian Kebangsaan	3
NTC 2016	4
Jumlah	89

Sumber: Akademi Percukaian Malaysia

Jadual 5: Senarai Kursus Yang Diikuti Oleh Pensyarah PLP

Nama Kursus	Bilangan Pegawai
Kursus <i>Certified Practitioner of Hypnotherapy</i>	1
Kursus Pemidato Umum Terbilang	1
Kursus Komunikasi Tulisan dan Lisan	1
Kursus Imej dan Penampilan Diri	1
Kursus Mengenali Personaliti melalui STIFIn	1

Sumber: Akademi Percukaian Malaysia

Jadual 6: Bilangan Pensyarah Baharu yang terlibat dengan TOT

Pusat Latihan	Bilangan Pensyarah Baharu	Gred Jawatan
PLAA	3	44
PLUU	3	48
PLP	1	52
	2	48
	3	41

Sumber: Akademi Percukaian Malaysia

MEMPERKUKUHKAN KEPIMPINAN DAN KEPAKARAN

Pembangunan modal insan yang selari dengan keperluan dan kehendak organisasi adalah perlu untuk menjadikan LHDNM sebagai pemacu kepada kecemerlangan pentadbiran. Modal insan yang terlatih dan terpimpin dapat memastikan kesinambungan dan percambahan kemurnian dalam melaksanakan tugas. Di LHDNM, usaha pemeraksanaan modal insan sentiasa dibuat dengan berpaksikan kepada pembelajaran berterusan, pengalaman pengetahuan dan kemahiran baru secara praktikal atau emerging knowledge dan internal customers yang sering berubah. LHDNM merupakan platform Cross Sharing of Knowledge and Expertise oleh agensi cukai luar negara seperti Seychelles Revenue Commission, National Tax Service of South Korea dan National Tax of Japan.

Pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh organisasi ini dalam usaha memantapkan lagi kepimpinan dan kepakaran pegawai antaranya melalui perkongsian pengalaman dan pengetahuan di peringkat antarabangsa seperti berikut:

- Kerjasama latihan dengan Sri Lanka Inland Revenue Department di mana 1,200 orang pegawainya telah mengikuti siri latihan di Akademi Percukaian Malaysia
- Lawatan kerja ke Akademi Percukaian Malaysia oleh Bureau of Internal Revenue (BIR) The Republic of Philippines dan Asean Development Bank (ADB)
- Melaksanakan kursus jangka pendek iaitu International Taxation Law (ITL) di Latin Amerika dan Asia Tenggara, melalui kerjasama dengan International Training Centre (ITC), Leiden University, Netherlands
- Menerima lawatan daripada Kenya Revenue Authority, Large Taxpayers Office untuk melakukan penanda aras yang dibiayai oleh Bank Dunia

LHDNM sering menerima jemputan untuk menyumbangkan pengalaman dan kepakaran dalam pelbagai persidangan baik di peringkat negara mahupun antarabangsa

- Melaksanakan Programme of Action (POA): Training on e-Governance (Malaysia– India), melibatkan 15 pegawai kanan daripada India dan 20 pegawai daripada pelbagai agensi di Malaysia
- Sharing of best practices dengan Seychelles Revenue Authority dalam isu-isu berkaitan sumber manusia seperti penilaian prestasi, sistem ganjaran, keseimbangan tempat kerja dan pembangunan kerjaya
- Perkongsian maklumat berkaitan pentadbiran percukaian peringkat nasional dan penekanan kepada Isu Pindahan Harga dan Cukai Antarabangsa yang melibatkan 160 pegawai dari The National Academy of Direct Taxes (NADT), India

LHDNM juga merupakan platform oleh agensi-agensi cukai luar negara. LHDNM sering menerima jemputan untuk menyumbangkan pengalaman dan kepakaran dalam pelbagai persidangan baik di peringkat negara mahupun antarabangsa, antaranya :-

- Plenary Session on Modernising Public Services: A Case Study of LHDNM sempena International Conference on Public Sector Productivity anjuran Ministry of International Trade and Industry (MITI) dan Malaysia Productivity Corporation (MPC)
- Talent Ecosystem Conference 2016 anjuran Talent Intelligence bertempat di Malaysian Global Innovation & Creativity (MaGIC), Cyberjaya dalam forum bertajuk Talent Most Wanted: Developing Nation, Developing Leaders
- Global Relations Workshop : Recent Developments On Compliance Risk Management and Offshore Compliance, Jakarta, Indonesia

- International Tax Conference and Regional Consultations on Domestic Resource Mobilisation, Seoul, Korea
- Regional Cooperation in Tax Matters, Asian Tax Authority Symposium, Bangkok, Thailand
- Based Erosion Profit Shifting (BEPS) Action Plan, International and Vietnam's Perspectives, Hanoi, Vietnam

Program Attachment dan Cross Fertilization: program ini merupakan inisiatif strategik LHDNM untuk mentransformasikan LHDNM kepada satu organisasi yang mengutamakan aspek keberhasilan dan budaya prestasi tinggi melalui perkongsian pengetahuan dari pegawai agensi lain. Seorang pegawai daripada Pusat Latihan Akaun dan Audit, Akademi Percukaian Malaysia telah ditempatkan di UniRazak bermula 14 September 2015 sehingga 13 Jun 2016 melalui program penempatan penyelidikan & akademik (Pepena) dalam industri yang sesuai.





ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN



SENARAI ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

LHDNM bukan sahaja terkenal dan diiktiraf sebagai agensi tunggal pemungut cukai bagi pihak kerajaan, bahkan berkat kerjasama dan usaha gigih seluruh Hasilian dalam memartabatkan organisasi baik dalam aspek pengurusan dan pentadbiran cukai langsung, mahupun dalam aspek pengurusan organisasinya nyata menunjukkan kebolehan sebenar LHDNM. Pencapaian demi pencapaian yang ditunjukkan ternyata membuka mata banyak pihak termasuklah di peringkat antarabangsa. Antara anugerah dan pengiktirafan diterima LHDNM sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

Visionary Veteran Motivator of the Year

21 Januari 2016 - CEO LHDNM menerima anugerah 'Visionary Veteran Motivator of The Year' oleh Mc Millan Woods Global Awards 2016 di Hotel Kuala Lumpur.

- Penggajian bagi Kes e-Filing / m-Filing
- Prosedur Pelaksanaan Pelepasan Sementara dan Pembatalan Sekatan Perjalanan Selain Pengarah Syarikat (**Skop Baharu**)
- Pelaksanaan Penerimaan, Penyediaan dan Pemfailan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan (WSPT) bagi fail OG untuk Kes Cukai Pendapatan (**Skop Baharu**)

Excellent Services

19 Februari 2016 - Cawangan Wangsa Maju menerima 'Anugerah Excellent Services' daripada pihak PNB-ASNB atas kualiti perkhidmatan terbaik yang diberikan oleh para pegawai di Unit Duti Setem Cawangan Wangsa Maju.

Indeks Penarafan Bintang (SSR) Agensi Sektor Awam

4 April 2016 - LHDNM menerima pengiktirafan 5 Bintang bagi Indeks Penarafan Bintang (SSR) Agensi Sektor Awam Tahun 2015 - 2016. Majlis penganugerahan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara.

Pensijilan MS ISO 9001:2008

24 Februari 2016 - LHDNM telah mengekalkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 bagi tempoh 28 Februari 2016 hingga 27 Februari 2017 dengan penambahan 2 skop baharu menjadikan kesemuanya 4 skop di bawah sijil yang sama. Skop pensijilan adalah:

- Perlaksanaan Audit Luar Kes Syarikat (Fokus Audit)
- Proses Penyediaan Bayaran Balik Individu

Top FPX Merchant

4 April 2016 - LHDNM dianugerahkan "Top FPX Merchant" bersempena Malaysian e-Payments Excellence Award 2016. Penganugerahan ini adalah anjuran Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear).

Global Risk Awards

15 April 2016 - LHDNM menerima anugerah Global Risk Award 2016 dalam kategori 'Newcomer of the Year' oleh Institute of Risk Management, United Kingdom.

Global Lifetime Brand Icon

19 Mei 2016 - CEO LHDNM menerima anugerah: Global Lifetime Brand Icon In Taxation & Inland Revenue Agency Transformation dari The Leaders.

The Brandlaureate Transformational Organisation Brand Awards

2 Jun 2016 - LHDNM dianugerahkan The Brandlaureate Transformational Organisation Brand Award 2015-2016.

The Diamond Eye Awards

25 Julai 2016 - LHDNM menerima anugerah The Diamond Eye Award For Quality Commitment And Excellence oleh Association Otherways Management & Consulting yang diterima di Rome, Italy.

The Asia HRD Awards

26 Julai 2016 - LHDNM menerima anugerah Contribution to Organisation Award - The Asia HRD Awards 2016. Ianya merupakan satu pengiktirafan terhadap peranan role model yang telah memberi kesan yang ketara dalam organisasi dalam bidang pembangunan insan.

Asia Pacific Entrepreneurship Awards

26 Ogos 2016 - CEO LHDNM menerima anugerah Asia Pacific Entrepreneurship Awards, APEA 2016 bagi kategori Financial Services Industry pada majlis APEA 2016 Gala Dinner di Majestic Hotel Kuala Lumpur.

Naib Johan Convention KIK

September 2016 - Kumpulan KIK Cawangan Wangsa Maju (Speed 26) meraih naib johan bagi pertandingan Konvensyen KIK Kementerian Kewangan Malaysia yang telah diadakan di MOF.

Pangkor Dialogue Awards

7 September 2016 - LHDNM menerima anugerah Pangkor Dialogue Awards 2016: Excellent In Public Services bersempena Pangkor Dialogue.

Lifetime Achievement Awards

23 September 2016 - CEO LHDNM menerima anugerah Lifetime Achievement Awards in Nation Building pada Majlis CSR Asia Pasific Awards 2016 yang telah diadakan di Grand Ballroom, The Place @ One City.

The BrandLaureate Hall of Fame

13 Oktober 2016 - CEO LHDNM menerima anugerah The BrandLaureate Hall of Fame - Lifetime Achievement Brand Icon Leadership Award 2016 bersempena majlis The Brandlaureate Brand Icon Leadership Awards 2016.

The BrandLaureate Industry Champion

13 Oktober 2016 - LHDNM menerima anugerah The BrandLaureate Industry Champion - Brand Icon Leadership Awards 2016 for Income Tax Category bersempena majlis The Brandlaureate Brand Icon Leadership Awards 2016.

Anugerah Khas Ketua Setiausaha Negara

15 November 2016 - Kumpulan KIK Hibrid iaitu SYNERGY 10 muncul sebagai juara dan menerima Anugerah Khas Ketua Setiausaha Negara bagi Kategori Hibrid sempena Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam (MPIPA) Tahun 2016 .

Johan Pesta Sukan Kementerian Kewangan

22 November 2016 - LHDNM berjaya muncul tempat pertama dalam Pesta Sukan Kementerian Kewangan (PSKK) tahun 2016, anjuran Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).


Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008

21 Disember 2016 - LHDNM berjaya mendapatkan pensijilan semula MS ISO 9001:2008 untuk tempoh 28 Februari 2017 hingga 14 September 2018.

ANUGERAH



BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA BR1M



BR1M

Kerajaan mula melaksanakan inisiatif rasionalisasi subsidi dengan memberi bantuan kewangan kepada golongan sasar melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia **BR1M 1.0**. Pemberian ini bermula pada bulan Disember 2011 yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.6 bilion dimanfaatkan oleh seramai 5.2 juta isi rumah. Inisiatif ini kemudiannya disalurkan setiap tahun dengan peruntukan sebanyak RM3 bilion (**BR1M 2.0**), RM4.6 bilion (**BR1M 2014**) dan RM5.3 bilion bagi **BR1M 2015**.

Dalam Bajet 2016, kerajaan telah mengumumkan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (**BR1M**) **2016** diteruskan untuk meringankan kos sara hidup rakyat dengan kenaikan pemberian BR1M 2016 adalah seperti berikut:

- i. RM950 kepada RM1,000 (Isi rumah berpendapatan kasar bulanan RM3,000 ke bawah);
- ii. RM750 kepada RM800 (Isi rumah berpendapatan kasar bulanan RM3,001 hingga RM4,000);
- iii. RM350 kepada RM400 (Individu bujang berpendapatan kasar bulanan tidak melebihi RM2,000).

Kerajaan juga telah memperkenalkan pemberian BR1M sebanyak RM1,050 bagi penerima daripada senarai e-Kasih yang berpendapatan kasar bulanan di bawah RM1,000.





Permohonan Baharu & Kemas Kini


BR1M 2016	Jumlah Permohonan	Lulus	Tidak Lulus
	8,348,479	7,081,188	1,267,291
BR1M 2015	Jumlah Permohonan	Lulus	Tidak Lulus
	8,259,377	7,286,309	973,068


Permohonan Rayuan

BR1M 2016	Jumlah Permohonan	Lulus	Tidak Lulus
	222,343	204,370	17,973
BR1M 2015	Jumlah Permohonan	Lulus	Tidak Lulus
	166,780	150,823	15,957

DIREKTORI
LHDNM
GHDNM
DIREKTORI







PETUNJUK

- APM : Akademi Percukaian Malaysia
 PKH : Pusat Khidmat Hasil
 UTC : Urban Transformation Centre
 HCL : HASiL Care Line
 HRCC : HASiL Recovery Call Centre
 CPCB : Cawangan Pembayar Cukai Besar
 PPM : Pusat Pemprosesan Maklumat

PENYATA KEWANGAN KEWANGAN





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016, Penyata Keseluruhan Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 7 hingga 39.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533). Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.


Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada 31 Disember 2015, dan Penyata Keseluruhan Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak dilantik untuk melaporkan mengenai angka perbandingan yang dinyatakan semula dan ia tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(KHALID KHAN BIN ABDULLAH KHAN)
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
02 OGOS 2017



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Kami, **TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH** dan **DATO' HAJI CHE PEE BIN SAMSUDIN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Keseluruhan Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH
PENGURUS LEMBAGA
27 Julai 2017

SELANGOR



DATO' HAJI CHE PEE BIN SAMSUDIN
ANGGOTA LEMBAGA
27 Julai 2017

SELANGOR


LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Saya, **MOHAMMAD NAZRI BIN ISMAIL**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Keseluruhan Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas,
di Selangor
Pada 26 Julai 2017

)
)
)
)
)


MOHAMMAD NAZRI BIN ISMAIL

Di hadapan saya,




PESURUHJAYA SUMPAH
SHUHAIIDA BINTI ABDULLAH
PESURUHJAYA SUMPAH
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
KUALA LUMPUR

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2016**

		2016	2015 (Dinyatakan Semula)
	Nota	RM	RM
ASET			
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	1,585,347,073	1,640,116,039
Aset Tidak Ketara	4	5,281,928	-
Kerja Dalam Kemajuan	5	13,273,912	32,525,927
Pembiayaan Pekerja	6	1,462,234	1,128,695
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		1,605,365,147	1,673,770,661
Pembiayaan Pekerja	6	789,496	603,423
Wang Cagaran dan Prabayar	7	3,882,752	2,560,187
Bayaran Pendahuluan	8	453,605	191,747
Pelbagai Penghutang	9	12,304,462	291,532,146
Faedah Terakru Pelaburan		1,315,544	54,877
Tunai dan Kesetaraan Tunai	10	382,191,892	155,533,361
JUMLAH ASET SEMASA		400,937,751	450,475,741
JUMLAH ASET		2,006,302,898	2,124,246,402
EKUITI			
Kumpulan Wang Pembangunan	11	698,272,455	755,184,303
Kumpulan Wang Amanah	12	4,289,513	3,835,500
Kumpulan Wang Pelaburan	13	18,648,786	18,000,000
Kumpulan Wang Pinjaman	14	18,000,000	18,000,000
Lebihan Berkumpul	16	1,184,010,548	1,148,884,631
JUMLAH EKUITI		1,923,221,302	1,943,904,434
LIABILITI			
Manfaat Pekerja	17	58,171,648	81,601,019
Pajakan Kewangan	18	4,968,607	7,607,128
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		63,140,255	89,208,147
Pelbagai Pemiutang	19	16,709,822	70,677,996
Pinjaman Berjangka	20	-	16,412,384
Pajakan Kewangan	18	2,638,521	2,500,599
Deposit	21	512,998	1,462,842
Peruntukan Yuran Audit		80,000	80,000
JUMLAH LIABILITI SEMASA		19,941,341	91,133,821
JUMLAH LIABILITI		83,081,596	180,341,968
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		2,006,302,898	2,124,246,402

Nota-nota di muka surat 104 hingga 136 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA KESELURUHAN PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

		2016	2015 (Dinyatakan Semula)
	Nota	RM	RM
Hasil	22	1,968,561,164	2,049,556,644
Pendapatan Operasi Lain	23	271,570	479,613
Kos Pekerja	24	(1,354,229,282)	(1,387,439,679)
Susut nilai / Rosot nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	3	(73,653,839)	(101,356,529)
Perbelanjaan Operasi Lain	25	(521,404,210)	(459,152,469)
Lebihan Daripada Operasi		19,545,403	102,087,580
Kos Kewangan		(7,876,388)	(15,997,243)
Pendapatan Dari Pelaburan dan Pinjaman		23,456,902	8,053,561
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa / Jumlah Lebihan Keseluruhan Tahun Semasa		35,125,917	94,143,898
Baki Awal Lebihan Berkumpul			
Dinyatakan Sebelum		1,148,884,631	624,708,374
Pelarasan Tempoh Semasa		35,125,917	524,176,257
Baki Akhir Lebihan Berkumpul	16	1,184,010,548	1,148,884,631

Nota-nota di muka surat 104 hingga 136 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI **BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Pelaburan RM	Kumpulan Wang Pinjaman RM	Rizab Penilaian Aset RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Jan 2016 (dinyatakan semula)	755,184,303	3,835,500	18,000,000	18,000,000	-	1,148,884,631	1,943,904,434
(Kurangan) / Lebihan Semasa	(56,911,848)	454,013	648,786	-	-	35,125,917	(20,683,132)
Baki pada 31 Dis 2016	698,272,455	4,289,513	18,648,786	18,000,000	-	1,184,010,548	1,923,221,302

	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Pelaburan RM	Kumpulan Wang Pinjaman RM	Rizab Penilaian Aset RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 31 Dis 2014 (dinyatakan terdahulu)	853,281,529	2,888,089	18,000,000	18,000,000	281,646,880	530,564,476	1,704,380,974
Kesan Adaptasi MPERS (Nota 16)	-	-	-	-	(281,646,880)	281,646,880	-
Pelarasan Semasa	-	-	-	-	-	242,529,377	242,529,377
Baki pada 1 Jan 2015 (dinyatakan semula)	853,281,529	2,888,089	18,000,000	18,000,000	-	1,054,740,733	1,946,910,351
(Kurangan) / Lebihan Semasa	(98,097,226)	947,411	-	-	-	94,143,898	(3,005,917)
Baki pada 31 Dis 2015	755,184,303	3,835,500	18,000,000	18,000,000	-	1,148,884,631	1,943,904,434

Nota-nota di muka surat 104 hingga 136 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Terimaan Dari Kerajaan Persekutuan dan Pendapatan Lain	26	2,194,631,906	1,664,917,245
Bayaran Kepada Pembekal dan Pekerja	27	(1,961,159,690)	(1,770,286,950)
TUNAI BERSIH DITERIMA / (DIGUNAKAN) DALAM AKTIVITI OPERASI		233,472,216	(105,369,705)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan termasuk Kerja Dalam Kemajuan		5,425,308	(23,348,805)
Terimaan Daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		276,059	92,601
Pendapatan Dari Pelaburan dan Pinjaman		22,196,235	8,388,561
Pinjaman Kepada Pekerja		(519,612)	449,147
TUNAI BERSIH DITERIMA / (DIGUNAKAN) DALAM AKTIVITI PELABURAN		27,377,990	(14,418,496)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Kumpulan Wang Pembangunan		(8,113,538)	(24,910,631)
Kumpulan Wang Amanah		711,234	1,350,132
Pinjaman Berjangka		(16,412,384)	(31,599,764)
Pajakan Kewangan		(2,500,599)	(2,369,916)
Kos Kewangan Dibayar		(7,876,388)	(15,997,243)
TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN) DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN		(34,191,675)	(73,527,422)
 Pertambahan / (Pengurangan) Bersih Tunai		 226,658,531	 (193,315,623)
 Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		 155,533,361	 348,848,984
 Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		 382,191,892	 155,533,361
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER			
 Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek		 320,648,786	 151,000,000
Wang Tunai dan Baki Bank		61,543,106	4,533,361
		382,191,892	155,533,361

Nota-nota di muka surat 104 hingga 136 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT KORPORAT

1.1 Akta Berkaitan dan Fungsi

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

LHDNM bertindak sebagai ejen kepada Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan, duti setem, duti harta pesaka dan cukai-cukai lain.

1.2 Pembentangan dan Pengesahan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016 telah dibentangkan dan disahkan oleh Anggota Lembaga LHDNM pada 27 Julai 2017.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

2.1 Asas Penyediaan

a. Penyataan Pematuhan

Asas penyediaan Penyata Kewangan adalah selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) pada Februari 2014 dan berkuat kuasa pelaksanaannya mulai 1 Januari 2016. Pada tahun sebelum, Penyata Kewangan LHDNM disediakan mengikut *Private Entity Reporting Standard* (PERS).

Perubahan kepada Pindaan 2015 MPERS

MASB telah mengeluarkan Pindaan 2015 MPERS yang akan berkuat kuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada 1 Januari 2017. MASB memberi pilihan kepada entiti untuk melaksanakan pindaan ini lebih awal bagi Penyata Kewangan Tahun 2016. LHDNM telah menerima pakai pindaan ini mulai Penyata Kewangan Tahun 2016.

Peralihan Kepada Rangka Kerja MPERS

Bagi tahun semasa berakhir 31 Disember 2016, LHDNM telah menerima pakai MPERS. Tarikh peralihan kepada Rangka Kerja MPERS adalah pada 1 Januari 2015.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

b. Asas Pengukuran

Penyediaan Penyata Kewangan LHDNM menerima pakai asas kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya.

c. Mata Wang Fungsian dan Pembentangan

Penyata Kewangan LHDNM dilaporkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana LHDNM beroperasi. Semua maklumat kewangan dinyatakan dalam RM dan dibundarkan kepada ringgit yang terhampir kecuali dinyatakan sebaliknya.

d. Penggunaan Anggaran dan Pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan selaras dengan MPERS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran serta andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan serta pelaporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza berbanding dengan anggaran.

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

Hanya dua (2) pelaporan yang signifikan dalam penentuan anggaran dan pertimbangan yang memberi implikasi kepada amaun yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan LHDNM iaitu:

- i. Nota 2.2 - Hartanah, Loji dan Peralatan
- ii. Nota 2.16 - Manfaat Pekerja

2.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan diakaunkan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan (rosot nilai) terkumpul. Kos termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung semasa perolehan aset.

Kos selepas perolehan adalah termasuk dalam nilai pembawa aset atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan mengikut kesesuaian, sekiranya aset tersebut mempunyai manfaat ekonomi masa akan datang kepada LHDNM dan kos tersebut dapat diukur secara pasti. Semua perbelanjaan baikpulih, dan penyelenggaraan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tahun kewangan ianya berlaku.

Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos pembelian RM1,000 seunit dan ke atas akan dipermodalkan. Walau bagaimanapun permaidani, langsir dan seumpamanya tanpa mengambil kira kos perolehan tidak akan dipermodalkan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Susut Nilai

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar berikut:

Tanah Pajakan	Berdasarkan Tempoh Pajakan
Bangunan	2%
Alat Kelengkapan Pejabat	20%
Kenderaan	20%
Komputer	33.33%

Aset sewaan disusut nilaikan berdasarkan tempoh sewaan dan usia penggunaannya mana yang lebih awal melainkan LHDNM mendapat pengesahan pemilikan aset berkenaan.

Tanah Milik Bebas yang mempunyai nilai penggunaan tanpa had tidak disusut nilai. Kerja Dalam Kemajuan tidak disusut nilai memandangkan aset ini masih dalam tempoh pembangunan.

Kerja Dalam Kemajuan dinyatakan pada kos dan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan setelah sijil akuan siap atau sijil akuan penerimaan diterima oleh LHDNM.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, nilai baki bersih dan usia penggunaan aset akan disemak dan diselaraskan jika bersesuaian dan aset perlu dinilai sama ada terdapat petunjuk rosot nilai.

2.3 Aset Tidak Ketara

Pada tahun sebelumnya, Aset Tidak Ketara dikelaskan sebagai sebahagian daripada Hartanah, Loji dan Peralatan. Selaras dengan pemakaian MPERS, Aset Tidak Ketara dikenalpasti dan dikelaskan semula untuk memenuhi Rangka Kerja MPERS.

Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan tidak akan dipermodalkan dan dicajkan kepada Penyata Keseluruhan Pendapatan, kecuali kos yang merupakan sebahagian daripada kos aset berkenaan.

LHDNM tidak mengiktiraf muhibbah, paten, harta intelek, lesen perisian, senarai pelanggan dan seantaranya hasil daripada penghasilan dalaman yang tidak dapat dikenalpasti daripada kos pembangunan keseluruhannya.

Aset Tidak Ketara dinyatakan pada kos. Selepas pengiktirafan awal, Aset Tidak Ketara hendaklah dibawa pada kos selepas ditolak pelunasan terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

Perisian komputer yang diperoleh akan dipermodalkan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran tempoh penggunaan yang dijangka pada kadar 33.33%. Nilai sisa aset dan tempoh usia akan dikaji

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

semula serta pembetulan akan dibuat jika perlu, pada akhir tempoh pelaporan.

2.4 Rosot Nilai Aset

Aset yang tertakluk kepada rosot nilai akan disemak untuk rosot nilai apabila berlaku peristiwa atau perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi.

Rosot nilai diiktiraf apabila nilai dibawa aset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai penggunaan. Rosot nilai akan dicaj di Penyata Keseluruhan Pendapatan.

2.5 Pajakan Kewangan

Pajakan yang mana LHDNM menanggung risiko dan menerima ganjaran atas pemilikan aset dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Hartanah, Loji dan Peralatan yang dimiliki melalui pajakan kewangan akan dipermodalkan, dinyatakan pada nilai setara dengan nilai terendah nilai saksama dan nilai semasa pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Obligasi sepadan berkaitan dengan bayaran prinsipal diperakaunkan sebagai liabiliti dan caj pembiayaan dikenakan ke atas penyata pendapatan sepanjang tempoh pelan pajakan.

2.6 Pajakan Operasi

Pajakan harta di mana bahagian yang signifikan daripada risiko dan ganjaran pemilikan masih kekal di atas pemilik aset dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat bagi perbelanjaan ini dicajkan ke Penyata Keseluruhan Pendapatan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.7 Pembiayaan Pekerja

Pinjaman pekerja dinyatakan pada kos. Anggaran ke atas hutang ragu dibuat berdasarkan ke atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dihapus kira pada tempoh ia dikenalpasti.

2.8 Penghutang

Penghutang adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak dengan peruntukan hutang ragu.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

2.9 Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu pada nilai setara yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

2.10 Pinjaman Berjangka

Pinjaman berjangka dinyatakan pada kos.

2.11 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan utama merupakan Fi Agensi yang diterima berdasarkan Perjanjian Agensi antara LHDNM dan Kerajaan Malaysia untuk membiayai kos operasi dan modal. Pendapatan tersebut dan pendapatan lain diambilkira atas dasar akrual kecuali pendapatan keuntungan daripada simpanan Skim Al-Mudharabah, Skim Perlindungan Insurans Syarikat Takaful dan pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf apabila keuntungan diterima.

Pengiraan anggaran Fi Agensi boleh terima daripada Kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah anggaran kutipan kasar hasil cukai diperolehi dalam sesuatu tahun. Fi Agensi diakrukan dalam tahun di mana pendapatan diiktiraf dan akan dilaraskan semula berdasarkan kutipan sebenar hasil cukai diterima oleh Kerajaan.

2.12 Pengiktirafan Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan

Pemberian Khas Kerajaan adalah pendapatan pada tahun diterima oleh LHDNM bagi menampung pelaksanaan Program Khas Kerajaan.

2.13 Pertukaran Matawang Asing

Perkara-perkara dalam Penyata Keseluruhan Pendapatan dinyatakan mengikut kadar pertukaran pada tarikh urusan. Perbezaan pertukaran diambil kira dalam Penyata Keseluruhan Pendapatan.

2.14 Tunai dan Kesetaraan Tunai

LHDNM telah menuruti kaedah langsung di dalam penyediaan aliran tunai. Untuk tujuan Penyata Aliran Tunai, Tunai Dan Kesetaraan Tunai adalah terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit dengan bank, lain-lain jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi dalam tempoh kematangan asal sehingga setahun.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

2.15 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan LHDNM adalah untuk memastikan LHDNM mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan fungsi-fungsi LHDNM seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 11 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.

Berikut adalah risiko kewangan yang utama dihadapi oleh LHDNM dan ketetapan yang berkaitan aktiviti operasi dan modal:

i. Risiko Kadar Faedah

LHDNM akan mendapatkan pinjaman pada asas kadar tetap untuk mengurangkan kenaikan kadar faedah dan seterusnya mengurangkan risiko kadar faedah.

ii. Risiko Kredit

Risiko kredit adalah dikawal melalui prosedur kelulusan kredit, had dan pemantauan. Semakin dalaman ke atas kredit akan dilakukan sekiranya risiko tersebut adalah material.

iii. Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Pengurusan risiko kecairan secara berhati-hati melibatkan pengekalan tunai dan kesediaan dana yang mencukupi bagi memenuhi anggaran komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan

2.16 Manfaat Pekerja

Tanggungan akan diiktiraf bagi amaun yang dijangka perlu dibayar di bawah jangka masa pendek sekiranya LHDNM mempunyai obligasi perundangan atau obligasi yang konstruktif untuk menyelesaikan tanggungan sebagai gantian kepada perkhidmatan lepas yang diberikan kepada pekerja dan tanggungan tersebut boleh diukur secara saksama.

Manfaat pekerja / faedah persaraan pekerja terdiri daripada berikut:

i. Manfaat Jangka Pendek

Gaji, elaun, imbuhan tahunan dan faedah bukan kewangan seperti cuti rehat tahunan, cuti bersalin, cuti sakit dan sebagainya diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Keseluruhan Pendapatan bagi tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja LHDNM.

ii. Pelan Caruman Tetap

Caruman dibuat kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial adalah bagi pekerja yang layak dicarum.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

LHDNM juga mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja yang memilih Skim Saraan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bagi pekerja yang memilih Skim Saraan Malaysia.

Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Keseluruhan Pendapatan bagi tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja kecuali bagi caruman imbuhan tahunan diiktiraf pada tahun ia diterima.

iii. Manfaat Jangka Panjang

